

VOT 71990

**A STUDY ON METHOD OF DISCLOSURE PRATICES IN REPORTING OF
CASH FLOW STATEMENTS IN MALAYSIA
(KAJIAN KE ATAS KAEDAH PENGAMALAN PENDEDAHAN
PELAPORAN PENYATA ALIRAN TUNAI DI MALAYSIA)**

**MOHD NOOR AZLI BIN ALI KHAN (KETUA PENYELIDIK)
KAMARUZZAMAN BIN ABDUL RAHIM**

**RESEARCH VOTE NO:
71990**

**JABATAN PENGURUSAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

2004

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah s.w.t pemilik sekalian alam dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga baginda, sahabat-sahabat baginda dan sesiapa yang mengikuti mereka dengan ikhlas hinggalah hari kiamat. Pertamanya, syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan taufiq dan inayah-Nya, telah mengizinkan kami menyiapkan kajian berjudul *Kajian Ke Atas Kaedah Pengamalan Pendedahan Pelaporan Penyata Aliran Tunai Di Malaysia*.

Sekalung penghargaan dirakamkan kepada pelajar 4 SHA sesi 2001/2002 iaitu Dahlia Bt. Sakiran, Fasehahnoor Bt. Yaacob dan Wong Yean Chong kerana komitmen, kesungguhan, kerjasama dan sumbangan yang diberikan dalam usaha mendapatkan data, maklumat dan bahan ilmiah dalam menyiapkan kajian ini. Penghargaan ini turut ditujukan kepada semua pihak yang banyak memberikan sokongan terutamanya keluarga tersayang dan seluruh warga FPPSM, UTM Skudai yang memahami tugas kami sebagai pendidik dan penyelidik dalam menyiapkan kajian ini.

Tidak dilupakan jutaan terima kasih kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), UTM Skudai kerana telah membiayai kajian ini dan juga kepada para penyelidik yang begitu dedikasi, tekun serta memberikan komitmen yang begitu tinggi dalam menyempurnakan kajian ini. Setinggi penghargaan juga dimajukan kepada semua pihak yang terlibat baik secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan laporan kajian ini. Semoga kajian ini dapat terus dijalankan serta diperluaskan skop perbincangannya dari semasa ke semasa supaya hasil kajian memberikan impak yang positif dan dapat dimanfaatkan oleh semua khususnya pihak FPPSM yang berwawasan untuk menjadi Sekolah Pengurusan dan Sains Sosial bertaraf dunia, pihak UTM yang berwawasan untuk menjadi *World Class University* (WCU) dan Malaysia untuk menjadi negara cemerlang, gemilang dan terbilang.

Mohd Noor Azli bin Ali Khan - Ketua Penyelidik
Kamaruzzaman bin Abdul Rahim

Jabatan Pengurusan
Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia, Skudai

Ogos 2004

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian lanjutan bagi membincangkan tentang amalan pendedahan pelaporan penyata aliran tunai dalam laporan tahunan kewangan syarikat-syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Teknik persampelan secara rawak digunakan di dalam kajian ini. Sebanyak 181 buah syarikat telah dipilih daripada 598 buah syarikat yang tersenarai di Papan Utama BSKL sehingga 31 Disember 2003 yang terdiri daripada pelbagai industri. Laporan tahunan sampel syarikat ini telah disemak dan digunakan untuk menganalisis praktis yang diamalkan oleh syarikat yang tersenarai di BSKL. Aspek yang dikaji dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti kaedah yang biasa digunakan dalam melaporkan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan di dalam penyata kewangan. Hasil kajian mendapati bahawa pendedahan dengan menggunakan kaedah tidak langsung adalah kerap digunakan oleh syarikat yang tersenarai di Papan Utama BSKL. Seterusnya, melalui ujian statistik yang dilakukan didapati bahawa tiada wujud hubungan di antara kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri, saiz syarikat dan firma audit.

A STUDY ON METHOD OF DISCLOSURE PRACTICES IN REPORTING OF CASH FLOW STATEMENTS IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study is an extension research for discusses the practice of cash flow statements reporting disclosure of finance companies listed on the main board of the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE). Random sampling technique was used in this study. Out of 598 companies, 181 companies were selected for the period ended 31st December 2003 from various industries. An annual report was used for analysing the practice of the KLSE listed companies. This study examined the practice of method in reporting its cash flows from operating activities and the practice of classified of interest, dividend and income taxes in financial statements. Furthermore, this statistical analysis also showed that there wasn't a significant relationship between method of reporting cash flows from operating activities with type of industry, the size of company and audit firm.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB I PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Matlamat Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Skop Kajian	3
1.5 Kepentingan Kajian	3
1.6 Batasan Kajian	4
1.7 Kesimpulan	5
BAB II KAJIAN LITERATUR	6
2.0 Pengenalan	6
2.1 Perkembangan Penyata Aliran Tunai	7
2.2 Analisis Kajian Lepas	8
2.2.1 Kajian Lepas ke atas Kaedah Pendedahan Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian	9
2.2.2 Kajian Lepas ke atas Pengelasan Bagi Butiran Faedah, Dividen dan Cukai Pendapatan	11
2.3 Keputusan daripada Kajian Lepas	13
2.4 Kekurangan Kajian Lepas	14
2.5 Kesimpulan	15

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	16
3.0	Pengenalan	16
3.1	Reka Bentuk Kajian	16
3.2	Subjek dan Tempat Kajian	17
3.3	Persampelan	17
3.4	Ciri-ciri Syarikat	18
3.5	Hipotesis mengenai Kaedah Pelaporan Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian	19
3.6	Instrumen Kajian	20
3.7	Analisis Data	20
3.8	Rumusan	20
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	22
4.0	Pengenalan	22
4.1	Demografi Responden	22
4.1.1	Bahasa Laporan Tahunan	22
4.1.2	Firma Audit	23
4.1.3	Jenis Industri	24
4.1.4	Saiz Syarikat	25
4.2	Pelaporan Penyata Aliran Tunai	26
4.2.1	Kaedah Pelaporan Penyata Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian	26
4.2.2	Amalan Pelaporan Pengelasan bagi Butiran Faedah	27
4.2.3	Amalan Pelaporan Pengelasan bagi Butiran Dividen	28
4.2.4	Amalan Pelaporan Pengelasan bagi Butiran Cukai Pendapatan	29
4.3	Hubungan dengan Ciri Syarikat	30
4.3.1	Hipotesis Jenis Industri	30
4.3.2	Hipotesis Saiz Syarikat	31
4.3.3	Hipotesis Firma Audit	32
4.4	Kesimpulan	33

BAB V	KESIMPULAN DAN CADANGAN	35
5.0	Pengenalan	35
5.1	Rumusan dan Implikasi Kajian	35
5.2	Kesimpulan dan Cadangan Kajian Akan Datang	37
	Rujukan	38
	Lampiran	40

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
2.1	Kaedah Pendedahan Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian	9
2.2	Kaedah Pendedahan Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian	10
2.3	Amalan Pengelasan bagi Butiran Pembayaran Dividen	11
2.4	Amalan Pengelasan bagi Butiran Pembayaran Cukai Pendapatan	12
3.1	Bilangan Sampel mengikut Industri	17
4.1	Pelaporan Kaedah Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian	26
4.2	Bilangan Syarikat yang menyediakan Penyata Penyesuaian Aliran Tunai	26
4.3	Pengelasan bagi Butir Faedah Diterima	27
4.4	Pengelasan bagi Butir Faedah Dibayar	28
4.5	Pengelasan bagi Butir Dividen Diterima	28
4.6	Pengelasan bagi Butir Dividen Dibayar	29
4.7	Pengelasan bagi Butir Cukai Pendapatan	29
4.8	Ujian Khi Kuasa Dua bagi Jenis Industri	30
4.9	Ujian Khi Kuasa Dua bagi Saiz Syarikat	32
4.10	Ujian Khi Kuasa Dua bagi Firma Audit	33

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
4.1	Bahasa dalam Laporan Tahunan Syarikat	23
4.2	Firma Audit bagi Sampel Kajian	24
4.3	Bilangan Syarikat mengikut Jenis Industri	25
4.4	Pengklasifikasian Saiz Syarikat	25

SENARAI SINGKATAN

APB	-	Accounting Principles Board
BSKL	-	Bursa Saham Kuala Lumpur
FASB	-	Financial Accounting Standards Board
IAS	-	International Accounting Standards
LPPM	-	Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MASB	-	Malaysian Accounting Standards Board
MIA	-	Malaysian Institute of Accountants
SFAS	-	Statements of Financial Accounting Standards
SPSS	-	Statistic Package for Social Science

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 - Senarai Sampel Syarikat
- Lampiran 2 - Senarai Semakan
- Lampiran 3 - Output SPSS

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Memang tidak dapat dinafikan bahawa mendapatkan keuntungan yang maksimum merupakan matlamat utama bagi sesebuah perniagaan, tetapi sekiranya sesebuah perniagaan terlalu memfokus ke arah untuk memperoleh keuntungan akan mendatangkan masalah kepada perniagaan tersebut. Untuk memastikan sesebuah entiti tersebut akan berterusan, sesebuah perniagaan seharusnya mampu untuk membayar hutangnya yang telah matang dan kebolehan syarikat untuk membuat pembayaran pada masa depan dapat ditunjukkan melalui penyata aliran tunai (Atrill, 2001).

Beberapa tahun kebelakangan ini, kebanyakan negara telah mengadaptasi penyata aliran tunai sebagai pengganti kepada penyata aliran dana yang telah wujud sekian lama. Jika dibandingkan dengan penyata aliran dana, penyata aliran tunai dapat menyediakan satu taksiran yang lebih objektif mengenai keupayaan syarikat dalam menghasilkan tunai dan kesetaraan tunai dalam memenuhi obligasi syarikat. Menurut Woon (1999), penyata aliran tunai sebenarnya merupakan satu kejayaan kepada Penyata Aliran Dana (*Fund Flow Statement*). Penyata ini juga dapat menentukan bagaimana tunai dihasilkan dan digunakan pada satu had masa tertentu.

1.1 Latar Belakang Kajian

Penyata aliran tunai merupakan satu penyata kewangan yang penting yang boleh ditambahkan dari mana-mana Kunci Kira-Kira dan Akaun Untung Rugi. Penyata aliran tunai berkebolehan dalam menunjukkan perubahan-perubahan di dalam kedudukan kewangan organisasi. Penyata ini juga dapat menunjukkan pergerakan

sebenar tunai dan ianya bertentangan dengan Akaun Untung Rugi yang berdasarkan kepada asas akruan (Woon, 1999).

Di Malaysia, mulai 1hb Januari 1996 piawaian Penyata Aliran Tunai di bawah *International Accounting Standards* (IAS) 7 (semakan) telah dikuatkuasakan oleh *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) dan menuntut supaya penyata aliran tunai bagi setiap syarikat dipersembahkan dalam laporan kewangan syarikat. Malahan, penyata aliran tunai juga merupakan satu bahagian yang wajib dilaporkan dalam laporan kewangan (Ng, 1999). Namun begitu, *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) yang ditubuhkan di bawah *Financial Reporting Act 1997* merupakan satu badan yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan menerbitkan piawaian perakaunan sebagai “piawaian yang diterima pakai” bagi semua syarikat di Malaysia. MASB 5 – Penyata Aliran Tunai telah dikeluarkan oleh MASB dan berkuat kuasa pada atau selepas 1 Julai 1999 bagi menggantikan IAS 7 (semakan).

MASB 5 telah menetapkan kaedah-kaedah tertentu yang boleh digunakan dalam menyediakan Penyata Aliran Tunai. Namun begitu, syarikat bebas untuk memilih kaedah pelaporan yang digunakan kerana adanya pilihan yang diberikan oleh MASB 5. Keadaan ini boleh menyebabkan ketidakseragaman dalam pelaporan penyata aliran tunai oleh syarikat-syarikat di Malaysia (Ng, 1999). Tambahan pula, amalan pendedahan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan adalah bergantung kepada polisi dan pengalaman sesebuah perniagaan.

Daripada perbincangan di atas, isu yang ingin dikupas di sini ialah kaedah mana yang biasa digunakan oleh syarikat-syarikat di Malaysia dalam pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan dalam penyata aliran tunai. Seterusnya, mengkaji perhubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan ciri-ciri syarikat.

1.2 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan pelaporan penyata aliran tunai di Malaysia dalam pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan

pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan dalam penyata aliran tunai. Kajian juga turut mengkaji perhubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan ciri-ciri syarikat.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti:

- (a) Kaedah yang biasa digunakan oleh syarikat-syarikat di Malaysia dalam pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian.
- (b) Amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan dalam penyata aliran tunai oleh syarikat-syarikat di Malaysia.
- (c) Sama ada terdapat hubungan di antara kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri, saiz syarikat dan firma audit.

1.4 Skop Kajian

Skop kajian ini ialah seperti berikut:

- (a) Skop kajian hanya tertumpu kepada laporan kewangan tahunan untuk tahun 2002 dan 2003 bagi 183 daripada 598 buah syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) setakat 31 Disember 2003.
- (b) Kajian ini hanya memfokuskan kepada pengenalanpastian kaedah yang digunakan dalam pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian, iaitu kaedah langsung dan kaedah tidak langsung dan amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan dalam penyata aliran tunai. Manakala bahagian-bahagian lain dalam penyata aliran tunai tidak akan dikaji. Dari segi ciri-ciri syarikat hanya tiga pemboleh ubah sahaja yang dilihat iaitu jenis industri, saiz syarikat dan firma audit.

1.5 Kepentingan Kajian

Terdapat banyak kajian terdahulu yang mengkaji mengenai pelaporan penyata aliran tunai (Jones *et al.*, 1996; Kintzele, 1997; Woon, 1999; Ng *et al.*, 1998; Krisnan & Largay III, 1998; Ng, 1999; Suruhanjaya Sekuriti, 2001). Oleh yang demikian, kajian

ini lebih memfokuskan kepada pendedahan pelaporan penyata aliran tunai oleh syarikat yang tersenarai di Papan Utama BSKL.

Diharapkan, penemuan kajian ini akan dapat memberi input yang berguna khususnya kepada profesion perakaunan di Malaysia berhubung dengan amalan pelaporan penyata aliran tunai yang berkaitan dengan kaedah yang biasa digunakan oleh sesebuah syarikat dalam pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Sehubungan dengan itu, diharapkan juga dengan adanya kajian ini dapat mengisi kekosongan dan kekurangan yang ada serta memberi maklumat yang terkini berhubung dengan pelaporan penyata aliran tunai di Malaysia.

Seterusnya, kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada para penyelidik, penyedia, pengguna laporan kewangan dan penyelia profesion perakaunan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai amalan pelaporan penyata aliran tunai oleh syarikat di Malaysia.

1.6 Batasan Kajian

Batasan dalam kajian ini ialah seperti berikut:

- (a) Hasil dapatan yang diperoleh hanya berdasarkan kepada maklumat penyata kewangan tahunan untuk tahun 2002 dan 2003 sahaja. Maklumat yang didedahkan hanya setakat 181 buah syarikat berhad yang tersenarai di Papan Utama BSKL dan ia tidak boleh digeneralisasikan dengan semua syarikat yang tersenarai di BSKL.
- (b) Kajian ini hanya memfokuskan kepada kaedah dalam pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan dalam penyata aliran tunai serta perhubungan dengan ciri-ciri syarikat. Elemen-elemen dan bahagian-bahagian yang lain dalam penyata aliran tunai tidak dikaji.
- (c) Hasil dapatan yang diperoleh hanya benar dan praktikal di dalam Malaysia sahaja dan berhubung dengan prosedur dan piawaian perakaunan serta undang-undang semasa sahaja.

1.8 Kesimpulan

Latar belakang kajian, matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian dikenal pasti dalam bab ini. Justifikasi pemilihan tajuk kajian juga telah diterangkan.

Secara umumnya, kajian ke atas amalan pendedahan penyata aliran tunai dalam kaedah yang digunakan untuk pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan akan dijalankan.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Penyata aliran tunai digunakan untuk menganalisis aliran tunai masuk dan aliran tunai keluar. Ianya juga merupakan kaedah yang paling penting dalam penilaian kekukuhan kewangan bagi sesuatu perniagaan kerana aliran tunai akan menentukan tingkat kecairan dan kewujudan jangka panjang perniagaan tersebut (Suruhanjaya Sekuriti, 2001). Menurut Woon (1999), penyata aliran tunai merupakan satu peningkatan pencapaian daripada penyata aliran dana. Kebanyakan negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Malaysia telah membuat keputusan untuk menerima pakai penyata aliran tunai sebagai pengganti kepada penyata aliran dana atau penyata perubahan dalam kedudukan kewangan sejak beberapa tahun yang lepas.

Di Malaysia, kaedah pendedahan aliran tunai daripada aktiviti kendalian tidak ditentukan secara khusus dan khas oleh MASB 5. Piawaian ini hanya menggalakkan sesebuah perniagaan untuk menggunakan kaedah langsung tetapi penggunaan kaedah tidak langsung juga diterima. Sementara itu, pendedahan penyata aliran tunai di Malaysia tidak mempunyai satu keseragaman dalam pendedahan butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan. Perkara ini telah dibuktikan oleh Ng (1999) dalam kajiannya terhadap amalan pendedahan penyata aliran tunai yang berpandukan IAS 7 oleh syarikat-syarikat di Malaysia. Keadaan ini telah menyebabkan maklumat kewangan yang disediakan oleh sesebuah perniagaan kurang menggambarkan keadaan yang sebenar dan tahap kebolehpercayaan bagi maklumat kewangan yang didedahkan boleh dipersoalkan.

2.1 Perkembangan Penyata Aliran Tunai

Menurut Kintzele (1997), penyata aliran tunai adalah berasal daripada penyata yang disediakan untuk menyenaraikan penggunaan sumber dana oleh sesebuah syarikat pada masa yang lalu. Setelah melalui beberapa perubahan dan kemajuan dalam bidang perakaunan, terhasilnya penyata aliran tunai yang luas diamalkan pada zaman sekarang. *Accounting Research Study 2*, yang bertajuk “*Cash Flow Analysis and the Funds Statement*” diterbitkan pada tahun 1961 telah mencadangkan supaya penyata dana dijadikan salah satu penyata yang perlu didedahkan dalam laporan tahunan bagi semua korporat.

Dua tahun kemudian, *Accounting Principles Board (APB) Opinion No. 3* telah diterbitkan dan menyediakan garis panduan dalam penyediaan penyata dana. APB 3 juga mencadangkan penyata dana ditukar nama kepada Penyata Sumber dan Penggunaan Dana (*Statement of Source and Application Funds*). Walau bagaimanapun, *Opinion No. 3* hanya mencadangkan penyata tersebut dipersembahkan sebagai bahagian tambahan dalam laporan tahunan syarikat. Maklumat dan penyata tersebut tidak mandatori dalam laporan tahunan syarikat. Liiputan maklumat bagi penyata sumber dan penggunaan dana adalah berdasarkan kepada amalan pendedahan akauntan. Cadangan-cadangan daripada APB 3 telah mendapat sokongan yang kuat daripada komuniti laporan kewangan. Sebagai kesannya, semakin banyak syarikat mengimplementasikan dan meneruskan untuk mempersembahkan penyata sumber dan penggunaan dana (Kintzele, 1997).

Pada tahun 1971, APB telah menerbitkan APB 19, yang menuntut supaya penyata perubahan dalam kedudukan kewangan dipersembahkan sebagai salah satu bahagian utama dalam penyata kewangan dan termasuk laporan daripada juruaudit dalam penyata kewangan. *Opinion No. 19* tidak menetapkan format yang tertentu dalam pelaporan penyata perubahan dalam kedudukan kewangan, oleh yang sedemikian pihak perniagaan bebas memilih kaedah pendedahan untuk melaporkan maklumat aliran dana (Kintzele, 1997).

Dalam tahun 1984, dengan penerbitan Penyata Konsep 5 *Financial Accounting Standards Board (FASB)* telah mencadangkan penyata aliran tunai perlu

dimasukkan ke dalam penyata kewangan sesebuah entiti. Berdasarkan kepada penyata tersebut, penyata aliran tunai sepatutnya menunjukkan kesan daripada penerimaan tunai daripada sumber utama dan pembayaran tunai atas penggunaan utama bagi sesebuah entiti (Kintzele, 1997).

FASB telah menerbitkan *Statements of Financial Accounting Standards* (SFAS) No. 95 pada tahun 1987 dan telah mengambil langkah untuk menggantikan penyata dana kepada penyata aliran tunai yang bertujuan untuk menyediakan maklumat yang relevan dengan penerimaan dan pembayaran tunai bagi sesebuah perniagaan dalam sesuatu tempoh.

Perkembangan penyata aliran tunai di Malaysia hanya bermula selepas 1hb Januari 1996 apabila MIA menerbitkan IAS 7 (semakan) – Penyata Aliran Tunai dan memerlukan syarikat di Malaysia mendedahkan penyata aliran tunai dalam laporan kewangan (Ng, 1999).

Di Malaysia, MASB yang ditubuhkan di bawah *Financial Reporting Act* (Akta Pelaporan Kewangan) 1997 merupakan satu badan yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan menerbitkan piawaian perakaunan sebagai “piawaian yang diterima pakai” bagi semua syarikat di Malaysia. MASB 5 – Penyata Aliran Tunai telah dikeluarkan oleh MASB bagi pengawalan pendedahan dan pelaporan penyata aliran tunai oleh syarikat di Malaysia dan berkuat kuasa pada atau selepas 1 Julai 1999 bagi menggantikan IAS 7 (semakan).

2.2 Analisis Kajian Lepas

Daripada penyelidikan yang dijalankan, didapati bahawa beberapa kajian lepas ke atas topik ini telah dijalankan di Malaysia dan di luar negara. Berikutnya adalah analisis bagi hasil kajian lepas.

2.2.1 Kajian Lepas ke atas Kaedah Pendedahan Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian

Menurut kajian yang dijalankan oleh Ng (1999) ke atas penyata kewangan tahunan bagi 85 buah syarikat yang tersenarai di BSKL mengenai kaedah pendedahan aliran tunai daripada aktiviti kendalian (Rujuk Jadual 2.1).

Jadual 2.1: Kaedah Pendedahan Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian

Alternatif	Kekerapan	Peratus
Kaedah langsung	8	9
Kaedah tidak langsung	77	91
Jumlah	85	100

Sumber: Ng Eng Juan, 1999.

Keputusan yang diperoleh menunjukkan amalan pendedahan aliran tunai daripada aktiviti kendalian bagi syarikat-syarikat di Malaysia ialah dengan menggunakan kaedah tidak langsung iaitu sebanyak 91 peratus daripada keseluruhan. Kesimpulan yang dibuat oleh pengkaji ialah penyedia penyata kewangan adalah lebih biasa dengan menggunakan kaedah ini dalam pengiraan dana daripada aktiviti kendalian. Seperti yang dinyatakan dalam kajiannya (Ng, 1999):

One possible reason for the popularity of the indirect method is that preparers of financial statement are more familiar with it through its use in the computation of “funds from operation” in the now-superseded statement of changes in financial position.

Sementara itu, menurut kajian yang dijalankan oleh *Accounting Trends & Techniques* (1990) dalam Ng (1999) ke atas 600 syarikat di Amerika Syarikat, 97 peratus daripada syarikat yang dikaji telah menggunakan kaedah pendedahan tidak langsung. Hal ini kerana berdasarkan kepada keperluan SFAS No. 95 syarikat perlu mendedahkan kaedah tidak langsung walaupun kaedah pendedahan langsung telah digunakan. Sebagai kesannya, kebanyakan syarikat telah mengambil kesempatan untuk menggunakan kaedah yang lebih mudah, iaitu kaedah tidak langsung (Ng, 1999).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Suruhanjaya Sekuriti (2001) ke atas 100 buah syarikat di Malaysia mengenai kaedah pendedahan yang digunakan oleh syarikat tersebut dalam melaporkan aliran tunai daripada aktiviti kendalian, terdapat 94 syarikat daripada keseluruhan telah menggunakan kaedah tidak langsung dan hanya 6 syarikat yang dikaji melaporkan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan menggunakan kaedah langsung. Hasil kajian Suruhanjaya Sekuriti (2001) seperti di Jadual 2.2.

Jadual 2.2: Kaedah Pendedahan Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian

Alternatif	Kekerapan	Peratus
Kaedah langsung	6	6
Kaedah tidak langsung	94	94
Jumlah	100	100

Sumber: Kenyataan Akhbar Berita Harian – Suruhanjaya Sekuriti (2001)

Walaupun FASB dan beberapa kumpulan pengguna maklumat penyata kewangan setuju bahawa data aliran tunai kendalian yang ditunjukkan dengan kaedah langsung lebih berguna, tetapi hanya 2 peratus hingga 3 peratus daripada firma yang melaporkan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan menggunakan kaedah langsung. Pada hakikatnya, firma berkenaan juga perlu melaporkan penyata penyesuaian tidak langsung dalam jadual tambahan. Oleh yang sedemikian, kebanyakan firma telah mengambil keputusan hanya mendedahkan data dengan kaedah tidak langsung (Krishnan dan Largay III, 1998).

Selain itu, menurut kajian yang dijalankan oleh Jones *et al.* (1998) ke atas 159 pengguna maklumat penyata kewangan, keputusan yang diperoleh adalah amat menggalakkan dengan penggunaan kaedah langsung dalam pendedahan aliran tunai daripada aktiviti kendalian.

Menurut Kintzele (1997), walaupun SFAS mencadangkan sesebuah syarikat untuk menggunakan kaedah langsung dalam melaporkan aliran tunai daripada aktiviti kendalian, tetapi kaedah tidak langsung adalah diterima dan digunakan oleh kebanyakan syarikat. Dalam sampel kajian yang dijalankan oleh Kintzele (1997)

hanya sebuah syarikat daripada 95 syarikat yang dikaji menggunakan kaedah langsung untuk melaporkan aliran tunai daripada aktiviti kendalian.

Berdasarkan kepada keperluan SFAS 95, apabila kaedah tidak langsung digunakan satu penyata penyesuaian kepada pendapatan bersih perlu dipersembahkan dalam penyata aliran tunai atau dalam jadual tambahan. Daripada hasil kajian yang diperoleh, 93 syarikat telah mempersembahkan penyata penyesuaian pada penyata aliran tunai dan terdapat sebuah syarikat yang mempersembahkan penyata penyesuaian sebagai nota kepada penyata kewangan, namun tiada syarikat yang mempersembahkan penyata penyesuaian dalam bentuk jadual tambahan (Kintzele, 1997).

2.2.2 Kajian-Kajian Lepas ke atas Pengelasan bagi Butiran Faedah, Dividen dan Cukai Pendapatan

Menurut kajian yang dijalankan oleh Ng (1999), terdapat 90 peratus syarikat daripada keseluruhan telah mempersembahkan pembayaran faedah sebagai komponen dalam aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Sementara itu, 10 peratus yang lain pula mendedahkan pembayaran faedah sebagai aliran tunai pembiayaan. Daripada 85 syarikat yang dikaji terdapat 12 buah syarikat yang tidak membuat sebarang transaksi atas pembayaran faedah dalam tempoh kewangan tersebut.

Bagi butir pembayaran dividen, hasil kajian yang dijalankan oleh Ng (1999) ditunjukkan dalam Jadual 2.3.

Jadual 2.3: Amalan Pengelasan bagi Butir Pembayaran Dividen

Alternatif	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai kendalian	7	11
Aliran tunai pembiayaan	56	85
Aliran tunai pelaburan	3	4
Tiada transaksi	19	-
Jumlah	85	100

Sumber: Ng Eng Juan, 1999.

Jadual 2.3 menunjukkan bahawa sebanyak 85 peratus daripada sampel syarikat yang dikaji mendedahkan aktiviti pembayaran dividen sebagai aliran tunai pembiayaan dan hanya 11 peratus daripada keseluruhan yang mempersembahkan butir ini sebagai aliran tunai kendalian. Terdapat tiga buah syarikat yang mendedahkan pembayaran dividen sebagai aliran tunai pelaburan, kelakuan pendedahan ini adalah dianggap tidak sesuai (Ng, 1999).

Kajian yang dijalankan oleh Ng (1999) mendapati bahawa 66 peratus daripada syarikat yang dikaji telah mendedahkan penerimaan faedah sebagai aliran tunai pelaburan, dan 34 peratus yang menganggap butir ini sebagai aliran tunai kendalian. Daripada sejumlah 85 buah syarikat yang dikaji, 95 peratus yang mendedahkan butir penerimaan dividen sebagai aliran tunai pelaburan. Sementara itu, hanya 5 peratus daripada keseluruhan yang mendedahkan penerimaan dividen sebagai aliran tunai kendalian (Ng, 1999).

Kajian yang dijalankan mengenai amalan pendedahan pembayaran cukai pendapatan dalam penyata aliran tunai, sebanyak 84 daripada 85 syarikat yang dikaji telah mendedahkan butir ini di dalam aliran tunai kendalian dan sebuah lagi syarikat pula tidak membuat sebarang pembayaran cukai pendapatan pada tahun kewangan tersebut. Keputusan daripada kajian yang dijalankan ditunjukkan pada Jadual 2.4 (Ng, 1999).

Jadual 2.4: Amalan Pengelasan bagi Butir Pembayaran Cukai Pendapatan

Alternatif	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai kendalian	84	100
Tiada transaksi	1	-
Jumlah	85	100

Sumber: Ng Eng Juan, 1999.

Menurut Ng (1999), di United Kingdom piawaiannya iaitu Piawaian Laporan Kewangan (FRS) 1 memerlukan semua aliran tunai cukai pendapatan yang wujud daripada hasil dan keuntungan dana perlu dilaporkan pada bahagian yang berlainan dalam penyata aliran tunai dan dinyatakan pada ruangan yang khas dengan tajuk 'cukai'.

Selain kajian yang dijalankan oleh Ng (1999), Kintzele (1997) juga menjalankan kajian ke atas aspek ini. Menurut Kintzele (1997), pendedahan bagi pembayaran tunai untuk faedah dan cukai pendapatan adalah agak berbeza di antara setiap syarikat yang dikaji. Kesemua 94 syarikat telah menerima pakai SFAS 95, dan 21 buah syarikat tidak membuat sebarang pendedahan mengenai pembayaran tunai untuk faedah dan cukai pendapatan. Keadaan ini adalah sukar dipercayai kerana hakikatnya 21 buah syarikat tersebut merupakan syarikat yang cukup besar, secara tidak langsung ini telah menggambarkan terdapat syarikat yang tidak patuh sepenuhnya kepada piawaian SFAS 95.

Terdapat 25 buah syarikat yang membuat pendedahan untuk pembayaran faedah dan cukai pendapatan di sebelah bawah penyata aliran tunai. Kaedah yang paling biasa digunakan bagi pendedahan butiran ini ialah dibuat dalam nota kepada penyata kewangan, pendedahan jenis ini telah diamalkan oleh 48 buah syarikat. Sebahagian daripada 48 buah syarikat telah mendedahkan faedah dan cukai pendapatan dalam nota yang berasingan seperti yang dinyatakan oleh SFAS 95 (Kintzele, 1997).

2.3 Keputusan daripada Kajian Lepas

Kajian yang dijalankan oleh Ng (1999), telah menyatakan terdapat kepelbagaian dalam persembahan butiran aliran tunai oleh syarikat-syarikat di Malaysia. Walaupun kepelbagaian tersebut adalah dibenarkan oleh IAS 7 (semakan), tetapi pengkaji masih menegaskan bahawa amalan pendedahan yang seragam boleh meningkatkan kebolehbacaan sesuatu maklumat penyata kewangan dan juga dapat meningkatkan taraf perbandingan penyata aliran tunai di antara syarikat yang berlainan.

Kepelbagaian dalam persembahan aliran tunai yang berkaitan dengan faedah dan dividen sepatutnya diambil berat, kerana ia dapat menghalang penilaian ke atas kebolehan syarikat dalam menjana aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Malaysia seharusnya mengikuti langkah Amerika Syarikat dan United Kingdom supaya menyeragamkan pendedahan bagi butiran tersebut (Ng, 1999).

Hasil kajian yang diperoleh oleh Krishnan dan Largay III (1998) menunjukkan kesilapan dalam pengagihan sumber akan berlaku apabila maklumat aliran tunai yang didedahkan dengan kaedah tidak langsung dimanipulasikan oleh penyedia penyata aliran tunai tanpa diketahui oleh ramai. Hal ini dapat berlaku, kerana kaedah tidak langsung adalah digunakan oleh 97 peratus hingga 98 peratus syarikat dan adalah sukar bagi pengguna maklumat untuk mengesan sebarang perbezaan atau penipuan dalam maklumat yang didedahkan. Kedua-dua pengkaji juga mencadangkan FASB dan pengguna maklumat penyata kewangan supaya menuntut dan menggalakkan entiti pelaporan supaya menyediakan maklumat aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan menggunakan kaedah langsung.

Kajian yang dijalankan oleh Kintzele (1997) menunjukkan pendedahan yang berkaitan dengan SFAS 95 adalah kurang seragam serta sukar difahami dan mempunyai kekurangan di dalam perkara-perkara yang tertentu. Seterusnya, hasil kajian Christine (1996) menunjukkan bahawa penyata aliran tunai merupakan sumber maklumat yang penting bagi pembuatan keputusan kewangan. Ianya turut digunakan oleh majoriti responden terutama bagi penilaian yang berkaitan dengan kecairan, keupayaan menyelesaikan hutang dan fleksibiliti kewangan.

2.4 Kekurangan Kajian Lepas

Kajian yang dijalankan oleh Ng (1999) adalah berdasarkan kepada IAS 7 (semakan), pada hakikatnya dalam persekitaran perakaunan di Malaysia pada masa kini telah mempunyai piawaian perakaunan yang sendiri dalam bidang-bidang yang tertentu. Terutamanya, MASB 5 yang memberi garis panduan kepada pendedahan dan pelaporan penyata aliran tunai. Sebagai langkah untuk meneliti dan mengkaji keberkesanan dan keseragaman amalan pendedahan penyata aliran tunai di Malaysia, adalah lebih wajar satu kajian yang baru dijalankan dengan berdasarkan kepada MASB 5. Kajian yang baru ini sepatutnya berasaskan kepada piawaian yang ditetapkan dalam MASB 5 dan mengkaji implikasinya terhadap amalan pendedahan sebenar yang diamalkan oleh syarikat-syarikat di Malaysia.

2.5 Kesimpulan

Daripada kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh beberapa orang penyelidik, didapati keputusan yang dicapai adalah menunjukkan kaedah yang paling lazim digunakan dalam pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian ialah kaedah tidak langsung. Daripada penjelasan yang dikemukakan oleh para penyelidik, keadaan sedemikian berlaku kerana dalam piawaian yang berkaitan memberi kelonggaran kepada pihak syarikat untuk memilih kaedah pendedahan.

Selain itu, kajian lepas ke atas pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan dalam penyata aliran tunai pula menunjukkan kebanyakan syarikat membuat pengelasan bagi butiran tersebut dengan berasaskan kepada keperluan piawaian perakaunan.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai metodologi kajian yang akan digunakan di dalam penyelidikan ini. Di antara perkara-perkara yang akan disentuh di dalam bab ini ialah reka bentuk kajian (termasuklah pemilihan sampel dan sumber data), persampelan, ciri-ciri syarikat, hipotesis kajian, instrumen kajian, analisis data dan rumusan.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk melihat amalan pendedahan pelaporan penyata aliran tunai di Malaysia oleh syarikat-syarikat yang tersenarai di Papan Utama BSKL berasaskan laporan tahunan kewangan syarikat yang diterbitkan. Syarikat-syarikat yang dijadikan sampel kajian dipilih daripada syarikat-syarikat yang tersenarai di Papan Utama BSKL di dalam pelbagai jenis industri yang terdapat di Malaysia. Pengklasifikasian industri adalah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh BSKL. Daripada laporan tahunan syarikat, data mengenai tahun kewangan berakhir, jenis industri, jumlah aset, firma audit dan bahasa yang digunakan dalam laporan tahunan digunakan bagi melihat pendedahan pelaporan penyata aliran tunai.

Teknik persampelan secara rawak digunakan di dalam kajian ini. Teknik persampelan secara rawak ini telah banyak digunakan oleh para pengkaji yang lepas mengenai pelaporan perakaunan kewangan (Gosman, 1973; Bremser, 1975; Leong *et al.*, 1989; Ng, 1998; Ng *et al.*, 1998; Ng, 1999; Mohd Noor Azli, 2002).

3.2 Subjek dan Tempat Kajian

Kajian ini tertumpu kepada syarikat yang tersenarai di Papan Utama BSKL. Kajian adalah berdasarkan laporan tahunan yang diserahkan kepada BSKL pada setiap tahun sebagai salah satu keperluan menurut Jadual 9 Akta Syarikat 1965.

3.3 Persampelan

Bagi tujuan analisis pelaporan penyata aliran tunai di Malaysia, laporan tahunan syarikat-syarikat yang terpilih bagi tahun kewangan berakhir pada 2002 dan 2003 disemak untuk melihat amalan pelaporan penyata aliran tunai bagi tempoh tersebut. Data diperoleh daripada Balai Maklumat BSKL Kuala Lumpur dan Balai Maklumat BSKL Cawangan Johor Bahru, Johor.

Secara keseluruhannya, sebanyak 184 buah syarikat yang dijadikan sampel kajian. Pemilihan sampel sebanyak 30.6% ($184/598 \times 100$) daripada populasi syarikat yang tersenarai di BSKL pada 31 Disember 2003. Namun begitu, bagi tujuan analisis data bagi pelaporan penyata aliran tunai hanya 181 buah syarikat sahaja iaitu 30% daripada jumlah populasi ($181/598 \times 100$) yang dapat digunakan dan 2 buah syarikat lagi maklumat tidak lengkap (Lihat Lampiran 1). Jadual 3.1 menunjukkan bilangan sampel mengikut jenis industri sepertimana yang ditetapkan oleh BSKL.

Jadual 3.1: Bilangan Sampel mengikut Industri

Bil.	Industri	Sampel	%
1	Barangan pengguna	25	13.8
2	Barangan industri	38	21.0
3	Pembinaan dan hartanah	36	19.9
4	Perdagangan dan perkhidmatan	33	18.2
5	Kewangan	24	13.3
6	Teknologi	6	3.3
7	Hotel	1	0.6
8	Perladangan	12	6.6
9	Perlombongan	3	1.7
10	Projek infrastruktur	3	1.7
	Jumlah	181	100.0

3.4 Ciri-ciri Syarikat

Selain daripada maklumat berkaitan dengan pelaporan penyata aliran tunai, kajian ini juga turut mengutip data yang berkaitan dengan jenis industri dan ciri-ciri syarikat iaitu saiz syarikat dan firma audit. Tujuan data itu dikutip adalah untuk melihat perhubungan di antara pelaporan penyata aliran tunai dengan jenis industri, saiz syarikat dan firma audit.

BSKL mengelaskan industri kepada 12 sektor atau jenis. Dalam kajian ini bagi tujuan melihat perhubungan pelaporan kaedah penyata aliran tunai dilaporkan dalam penyata kewangan, jenis industri dikelaskan kepada enam kategori iaitu:

- (a) Barangan Pengguna.
- (b) Barangan Industri.
- (c) Perdagangan dan Perkhidmatan.
- (d) Pembinaan dan Hartanah.
- (e) Kewangan dan Unit Amanah.
- (f) Lain-lain seperti Hotel, Perladangan, Perlombongan dan Teknologi.

Pengelasan enam sektor utama ini sama seperti pengkaji terdahulu (Tan dan Chew, 1996; Noor Azizi dan Mahamad, 2000).

Kajian-kajian lepas didapati menggunakan jumlah aset (Ng, 1991; Tan dan Chew, 1996), perolehan (Ho, 1989), hasil jualan (Gosman, 1973; Bremser, 1975) sebagai petunjuk kepada saiz syarikat. Maka, kajian ini menggunakan jumlah aset sebagai ukuran saiz syarikat sama seperti yang digunakan oleh Ng (1991) di mana jumlah aset syarikat dikelaskan kepada tiga strata iaitu “kurang daripada RM100 juta”, “RM100 juta hingga RM500 juta” dan “lebih daripada RM500 juta”. Oleh itu, justifikasi jumlah aset digunakan bagi ukuran saiz syarikat dalam kajian ini adalah disebabkan oleh kerelevanan pemboleh ubah dengan kajian-kajian yang terdahulu dan tiada kajian lain yang terkini berkaitan isu pelaporan penyata aliran tunai dengan saiz syarikat. Kajian Ng (1991) menunjukkan bahawa syarikat yang bersaiz besar dan diaudit oleh firma perakaunan awam yang besar lebih mematuhi untuk mendedahkan maklumat penting di dalam laporan tahunan berbanding dengan syarikat yang bersaiz kecil dan diaudit oleh firma perakaunan awam yang kecil.

Manakala, bagi firma audit diukur dengan menggunakan firma audit “*Big Five*” vs “*Non-Big Five @ Others*” dahulunya dan kini dikenali sebagai “*Big Four*” vs “*Non-Big Four @ Others*” sebagai ukuran bagi firma audit (Firth, 1979; Tan dan Chew, 1996). Oleh itu, justifikasi penggunaan “*Big Four*” vs “*Non Big-Four*” bagi ukuran firma audit yang digunakan dalam kajian ini adalah disebabkan kerelevanan pemboleh ubah dengan kajian-kajian yang terdahulu dan tiada kajian lain yang terkini berkaitan isu pelaporan penyata aliran tunai dengan firma audit. Hasil kajian Tan dan Chew (1996) menunjukkan bahawa tahap bagi “*non-disclosure*” tidak dipengaruhi oleh jenis firma audit dan saiz syarikat.

3.5 Hipotesis mengenai Kaedah Pelaporan Penyata Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian

Sebanyak tiga hipotesis utama dibentuk dan akan diuji dalam kajian ini. Hipotesis yang pertama adalah mengenai jenis industri. Hipotesis yang kedua pula adalah mengenai saiz syarikat. Manakala hipotesis yang ketiga pula adalah mengenai firma audit. Bagi memudahkan kerja-kerja analisis, hipotesis dinyatakan dalam bentuk hipotesis nul (H_0) dan hipotesis alternatif (H_a) seperti berikut;

Hipotesis Pertama

H_{10} : Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri.

H_{1a} : Ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri.

Hipotesis Kedua

H_{20} : Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan saiz syarikat.

H_{2a} : Ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan saiz syarikat.

Hipotesis Ketiga

H_{30} : Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan firma audit.

H_{3a} : Ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan firma audit.

3.6 Instrumen Kajian

Manakala, borang senarai semakan dibina oleh kumpulan penyelidik bagi mencapai matlamat dan objektif kajian. Instrumen kajian (Lampiran 2) terbahagi kepada dua bahagian seperti berikut:

(a) Bahagian A – Profil demografi.

Bahagian ini mengandungi perkara berikut seperti nama syarikat, tarikh kunci-kira-kira, hasil jualan, jumlah aset, bahasa yang digunakan dalam laporan tahunan, firma audit dan jenis industri.

(b) Bahagian B – Amalan pelaporan penyata aliran tunai.

Bahagian ini mengandungi senarai semakan tentang kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian, amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan.

3.7 Analisis Data

Data dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif seperti kekerapan dan peratus melalui perisian *Statistic Package for Social Science* (SPSS). Seterusnya, bagi melihat perhubungan di antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tak bersandar, ujian khi kuasa dua digunakan.

3.8 Rumusan

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada laporan tahunan syarikat. Ujian statistik turut digunakan bagi melihat perhubungan angkuh bersandar (kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian) dengan angkuh-angkuh bebas yang terdiri daripada jenis industri, saiz syarikat dan firma audit.

Ujian statistik yang digunakan ialah ujian khi kuasa dua bagi menganalisis data. Pakej statistik SPSS telah digunakan bagi menganalisis data tersebut.

Penolakan hipotesis akan dijadikan asas kepada perbincangan kepada mengenai pelaporan penyata aliran tunai dalam kajian ini. Ini disandarkan kepada teori epistemologi yang menyatakan bahawa selagi sesuatu itu tidak dibuktikan salah maka ia boleh dianggap benar. Hasil daripada kajian ini akan dijadikan sebagai kajian awal kepada kajian lanjutan pada masa akan datang mengenai isu pelaporan penyata aliran tunai.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan


Perbincangan dalam bab ini adalah berkaitan penemuan atau dapatan kajian melalui analisis terhadap data yang telah diperolehi. Bahagian awal bab ini membincangkan latar belakang sampel yang terpilih dalam kajian ini, diikuti oleh perbincangan berkaitan analisis data yang dibuat berdasarkan objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti amalan pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian, amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan dalam penyata aliran tunai oleh syarikat-syarikat di Malaysia dan sama ada wujud perhubungan di antara kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri, saiz syarikat dan firma audit.

4.1 Demografi Sampel

Bilangan sampel yang telah dipilih secara rawak dalam kajian ini berjumlah 181 buah syarikat. Analisis untuk demografi dibahagi kepada empat bahagian iaitu bahasa laporan tahunan, firma juruaudit, jenis industri dan saiz syarikat.

4.1.1 Bahasa Laporan Tahunan

Berdasarkan Bahagian A dalam senarai semakan, terdapat maklumat yang berkaitan dengan bahasa yang digunakan dalam laporan tahunan. Rajah 4.1 menunjukkan taburan sampel bagi bahasa yang digunakan dalam laporan tahunan syarikat.




Rajah 4.1: Bahasa dalam Laporan Tahunan Syarikat

Rajah 4.1 menunjukkan bahawa 163 buah syarikat iaitu 90.1% menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa dalam laporan tahunan syarikat. Manakala, 17 buah syarikat iaitu 9.4% menggunakan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (Dwi Bahasa) sebagai bahasa dalam laporan tahunan syarikat. Hanya satu syarikat sahaja iaitu 0.6% yang menggunakan Bahasa Malaysia dalam laporan tahunan syarikat.

4.1.2 Firma Audit


Rajah 4.2 menunjukkan bahawa 127 buah syarikat iaitu 70.2% diaudit oleh firma audit “*Big Four*”, manakala 54 buah syarikat iaitu 29.8% diaudit oleh firma juruaudit “*Non Big-Four*”.



Rajah 4.2: Firma Audit bagi Sampel Kajian

4.1.3 Jenis Industri


Rajah 4.3 menerangkan bilangan syarikat yang dikaji mengikut jenis industri. Rajah 4.3 menunjukkan 13.8% (25 buah syarikat) sampel kajian terdiri daripada sektor barangan pengguna, 21.0% (38 buah syarikat) terdiri daripada sektor barangan industri, 18.2% (33 buah syarikat) terdiri daripada sektor perdagangan dan perkhidmatan, 21.5% (39 buah syarikat) terdiri daripada sektor sektor pembinaan, hartanah dan projek infrastruktur, dan 13.3% (24 buah syarikat) terdiri daripada sektor kewangan dan unit amanah. Manakala, 12.2% (22 buah syarikat) terdiri daripada sektor hotel, perladangan, perlombongan dan teknologi.



Rajah 4.3: Bilangan Syarikat mengikut Jenis Industri

4.1.4 Saiz Syarikat

Rajah 4.4 menerangkan mengenai pengklasifikasian saiz syarikat mengikut jumlah aset. Rajah 4.4 menunjukkan bahawa 14 buah syarikat iaitu 7.7% bersaiz kecil, 86 buah syarikat iaitu 47.5% bersaiz sederhana dan 81 buah syarikat iaitu 44.8% bersaiz besar.



Rajah 4.4: Pengklasifikasian Saiz Syarikat

4.2 Pelaporan Penyata Aliran Tunai

Hasil kajian mengenai pelaporan penyata aliran tunai boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu: kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan.

4.2.1 Kaedah Pelaporan Penyata Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa daripada 181 buah syarikat yang dipilih didapati bahawa 160 buah syarikat iaitu 88.4% menggunakan kaedah tidak langsung dalam pendedahan aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Manakala, hanya terdapat 21 buah syarikat iaitu 11.6% yang menggunakan kaedah langsung dalam pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian.

Bahkan, Jadual 4.2 menunjukkan bahawa dari segi penyediaan penyata penyesuaian aliran tunai daripada aktiviti kendalian bagi syarikat yang menggunakan kaedah langsung didapati hanya 3 buah syarikat iaitu 1.7% sahaja yang menyediakan penyata penyesuaian aliran tunai. Dari segi pendedahan penyata penyesuaian, ianya didedahkan dalam nota kepada akaun.

Jadual 4.1: Pelaporan Kaedah Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Kaedah langsung	21	11.6
Kaedah tak langsung	160	88.4
Jumlah	181	100.0

Jadual 4.2: Bilangan Syarikat yang menyediakan Penyata Penyesuaian Aliran Tunai

Penyediaan Penyata Penyesuaian	Kekerapan	Peratus
Ya	3	1.7
Tidak	18	9.9
Tidak berkaitan	160	88.4
Jumlah	181	100.0

4.2.2 Amalan Pelaporan Pengelasan bagi Butiran Faedah

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa terdapat 82 buah sampel syarikat iaitu 50.3% mengkelaskan butir faedah diterima pada bahagian aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Manakala, terdapat 41.9% mendedahkan butir faedah diterima pada bahagian aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Terdapat 1.8% daripada keseluruhan syarikat yang mengkelaskan butir faedah diterima sebagai aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan. Seterusnya, 6.2% mengkelaskan butir faedah diterima pada bahagian aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan pelaburan. Selain daripada itu, terdapat 18 buah syarikat yang tidak mempunyai transaksi yang berkaitan dengan penerimaan faedah.

Jadual 4.3: Pengelasan bagi Butir Faedah Diterima

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	68	41.9
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	82	50.3
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	3	1.8
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan pelaburan	10	6.2
Tiada transaksi	18	-
Jumlah	181	100.0

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa amalan pengelasan bagi butir faedah dibayar oleh sampel syarikat. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada syarikat iaitu 58.5% mengkelaskan butir faedah dibayar sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Selain itu, terdapat 30.2% mengklasifikasikan butir faedah dibayar pada bahagian aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan dan hanya terdapat 1.9% yang mendedahkan butir ini sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Seterusnya, 9.4% mengkelaskan butir faedah dibayar pada bahagian aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan pembiayaan. Sementara itu, terdapat 22 buah syarikat daripada keseluruhan tiada transaksi bagi butir ini.

Jadual 4.4: Pengelasan bagi Butir Faedah Dibayar

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	93	58.5
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	3	1.9
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	48	70.2
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan pembiayaan	15	9.4
Tiada transaksi	22	-
Jumlah	181	100.0

4.2.3 Amalan Pelaporan Pengelasan bagi Butiran Dividen

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa pengelasan bagi butir dividen diterima oleh sampel syarikat. Hasil kajian mendapati bahawa 78.5% mengklasifikasikan butir dividen diterima sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan, 17.4% dan 4.1% daripada 121 buah syarikat yang mempunyai pendedahan bagi butir ini mendedahkan transaksi penerimaan dividen sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan pembiayaan. Manakala, sebanyak 60 buah syarikat yang tidak mempunyai transaksi penerimaan dividen.

Jadual 4.5: Pengelasan bagi Butir Dividen Diterima

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	21	17.4
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	95	78.5
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	5	4.1
Tiada transaksi	60	-
Jumlah	181	100.0

Berdasarkan kepada Jadual 4.6, didapati bahawa 95.7% daripada keseluruhan syarikat mengelaskan butir dividen dibayar sebagai aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan. Sementara itu, 3.6% yang mengelaskan butir dividen dibayar sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Hanya terdapat 0.7% yang mendedahkan butir ini dalam bahagian aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Manakala terdapat 43 buah

syarikat daripada keseluruhan tidak mempunyai transaksi yang berkaitan dengan pembayaran dividen.

Jadual 4.6: Pengelasan bagi Butir Dividen Dibayar

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	5	3.6
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	1	0.7
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	132	95.7
Tiada transaksi	43	-
Jumlah	181	100.0

4.2.4 Amalan Pelaporan Pengelasan bagi Butiran Cukai Pendapatan

Jadual 4.7 menunjukkan bahawa 99.4% daripada keseluruhan syarikat mengkategorikan butir cukai pendapatan sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Manakala, tiada syarikat yang mendedahkan butir ini sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Sementara itu, 0.6% yang mengelaskan butir cukai pendapatan sebagai komponen di dalam aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan. Selain itu, terdapat enam buah syarikat tidak membuat sebarang pembayaran cukai pendapatan.

Jadual 4.7: Pengelasan bagi Butir Cukai Pendapatan

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	174	99.4
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	-	-
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	1	0.6
Tiada transaksi	6	-
Jumlah	181	100.0

4.3 Hubungan dengan Ciri Syarikat

Analisis dalam bahagian ini membincangkan faktor-faktor yang mempunyai hubungan di antara kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan ciri-ciri syarikat. Ujian khi kuasa dua telah digunakan untuk menentukan darjah pertalian antara pemboleh ubah sama ada pemboleh ubah-pemboleh ubah itu bebas antara satu sama lain atau mempunyai pertalian. Ujian khi kuasa dua turut digunakan bagi menentukan sama ada pemboleh ubah tidak bersandar mempunyai hubungan dengan pemboleh ubah bersandar yang diuji. Oleh kerana kajian ini bersifat empirikal, tahap signifikan 5% telah digunakan. Ini bermakna, jika nilai χ^2 yang diuji kurang daripada 5%, pemboleh ubah bersandar yang berkaitan boleh diterima sebagai faktor yang mempunyai hubungan dengan ciri syarikat, bergantung kepada pengukuran prestasi (pemboleh ubah bersandar) yang digunakan. Tiga pemboleh ubah bersandar tersebut ialah jenis industri, saiz syarikat dan firma audit.

4.3.1 Hipotesis Jenis Industri

Bagi menguji hipotesis firma audit, ujian khi kuasa dua digunakan bagi menguji perhubungan yang signifikan di antara dua angkubah tersebut. Bagi tujuan analisis ujian khi kuasa dua, jenis industri yang sepertimana diklasifikasikan oleh BSKL dikategorikan kepada enam sektor. Sektor tersebut ialah “Barangan Pengguna”, “Barangan Industri”, “Perdagangan dan Perkhidmatan”, “Pembinaan, Hartanah dan Projek Infrastruktur”, “Kewangan dan Unit Amanah” dan lain-lain iaitu “Hotel, Perladangan, Perlombongan dan Teknologi”. Keputusan ujian khi kuasa dua ditunjukkan dalam Jadual 4.8.

Jadual 4.8: Ujian Khi Kuasa Dua bagi Jenis Industri

Industri	Kaedah langsung		Kaedah tak langsung		Jumlah
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
B Pengguna	5	20.0	20	80.0	25
B Industri	4	10.5	34	89.5	38
P & Perkhidmatan	3	9.1	30	90.9	33
PHPI	5	12.8	34	87.2	39
Kewangan	2	8.3	22	91.7	24

Lain-lain	2	9.1	20	90.9	22
Jumlah	21	11.6	160	88.4	181
Khi kuasa dua	2.407				
Signifikan	0.790				

Nota:

B = Barangan

P = Perdagangan

PHPI = Pembinaan, Hartanah dan Projek Infrastruktur

Berdasarkan analisa statistik dalam Jadual 4.8, nilai kritikal bagi $\alpha^2_{0.05,5} = 2.407$. Kesemua nilai α^2 berada di dalam rantau penerimaan. Ini bermaksud kita gagal untuk menolak H_{10} = Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri, $1 - \alpha = 0.95$ dan tak signifikan H_{1a} = Ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri. Maka hasil analisa ujian statistik menunjukkan bahawa kita gagal untuk menolak hipotesis nul iaitu H_{10} = Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri. Ini bermaksud tidak ada hubungan yang signifikan ke atas kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri pada paras keyakinan 95%. Ini menjelaskan bahawa jenis industri tidak mempunyai hubungan dengan kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian di dalam laporan tahunan syarikat.

4.3.2 Hipotesis Saiz Syarikat

Bagi menguji hipotesis firma audit, ujian khi kuasa dua digunakan bagi menguji perhubungan yang signifikan di antara dua angkubah tersebut. Bagi tujuan analisis ujian khi kuasa dua, saiz syarikat diukur berdasarkan jumlah aset. Jumlah aset setiap syarikat diklasifikasikan kepada tiga kumpulan iaitu “Kurang daripada RM100 juta” dikenali sebagai syarikat bersaiz kecil, “RM100 juta hingga RM500 juta” dikenali sebagai syarikat bersaiz sederhana dan “Lebih daripada RM500 juta” dikenali sebagai syarikat bersaiz besar. Keputusan ujian khi kuasa dua ditunjukkan dalam Jadual 4.9.

Jadual 4.9: Ujian Khi Kuasa Dua bagi Saiz Syarikat

Jumlah aset RM juta	Kaedah langsung		Kaedah tak langsung		Jumlah
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
< 100	2	14.3	12	85.7	14
100 hingga 500	7	8.1	79	91.9	86
> 500	12	14.8	69	85.2	81
Jumlah	21	11.6	160	88.4	181
Khi kuasa dua	1.919				
Signifikan	0.383				

Berdasarkan analisa statistik yang ditunjukkan dalam Jadual 4.9, nilai kritikal bagi $\alpha^2_{0.05,2} = 1.919$. Kesemua nilai α^2 berada di dalam rantau penerimaan. Ini bermaksud kita gagal untuk menolak $H_{2o} =$ Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan saiz syarikat, $1 - \alpha = 0.95$ dan tak signifikan $H_{2a} =$ Ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan saiz syarikat. Maka hasil analisa ujian statistik menunjukkan bahawa kita gagal untuk menolak hipotesis nul iaitu $H_{2o} =$ Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan saiz syarikat. Ini bermaksud tidak ada hubungan yang signifikan ke atas saiz syarikat dengan perubahan perakaunan pada paras keyakinan 95%. Ini menjelaskan bahawa saiz syarikat tidak mempunyai hubungan dengan kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian di dalam laporan tahunan syarikat.

4.3.3 Hipotesis Firma Audit

Bagi menguji hipotesis firma audit, ujian khi kuasa dua digunakan bagi menguji perhubungan yang signifikan di antara dua angkubah tersebut. Bagi tujuan analisis ujian khi kuasa dua, firma audit dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu “Big Four” yang mana mengandungi empat firma audit terbesar di Malaysia (dalam terma mengenai bilangan pelanggan yang tersenarai dalam firma audit awam), dan “Non Big Four” yang mana mengandungi kesemua firma audit awam di Malaysia. Keputusan ujian khi kuasa dua ditunjukkan dalam Jadual 4.10.

Jadual 4.10: Ujian Khi Kuasa Dua bagi Firma Audit

Firma audit	Kaedah langsung		Kaedah tak langsung		Jumlah
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
Big Four	18	14.2	109	85.8	127
Non Big Four	3	5.6	51	94.4	54
Jumlah	21	11.6	160	88.4	181
Khi kuasa dua	2.744				
Signifikan	0.098				

Berdasarkan analisa statistik dalam Jadual 4.10, nilai kritikal bagi $\alpha^2_{0.05,1} = 2.744$. Kesemua nilai α^2 berada di dalam rantau penerimaan. Ini bermaksud kita gagal untuk menolak $H_{30} =$ Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan firma audit, $1 - \alpha = 0.95$ dan tak signifikan $H_{3a} =$ Ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan firma audit. Maka hasil analisa ujian statistik menunjukkan bahawa kita gagal untuk menolak hipotesis nul iaitu $H_{30} =$ Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan firma audit. Ini bermaksud tidak ada hubungan yang signifikan ke atas kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan firma audit pada paras keyakinan 95%. Ini menjelaskan bahawa syarikat yang diaudit oleh firma audit tidak mempunyai hubungan dengan kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian di dalam laporan tahunan syarikat.

4.4 Kesimpulan

Dalam kajian ini dalam konteks praktis di Malaysia, cuba mengkaji kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan. Seterusnya, kajian ini juga mengkaji sama ada wujud perhubungan di antara kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri, saiz syarikat dan firma audit.

Kajian mendapat bahawa kebanyakan syarikat di Malaysia memilih menggunakan kaedah tidak langsung berbanding dengan penggunaan kaedah langsung dalam pelaporan

aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Tambahan lagi, kebanyakan syarikat melaporkan butir faedah diterima sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan manakala faedah dibayar sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Bagi butir dividen diterima kebanyakan syarikat mengklasifikasikan sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan manakala bagi butir dividen dibayar dikelaskan sebagai aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan. Bagi butir cukai pendapatan pula didapati kebanyakan syarikat melaporkan sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian.

Manakala, ujian khi kuasa dua yang dijalankan ke atas kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan ciri-ciri syarikat menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan di antara kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri, saiz syarikat dan firma audit.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan


Perbincangan dalam bab ini adalah berkaitan penemuan atau dapatan kajian melalui analisis terhadap data yang telah diperolehi. Bahagian awal bab ini membincangkan latar belakang sampel yang terpilih dalam kajian ini, diikuti oleh perbincangan berkaitan analisis data yang dibuat berdasarkan objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti amalan pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian, amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan dalam penyata aliran tunai oleh syarikat-syarikat di Malaysia dan sama ada wujud perhubungan di antara kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri, saiz syarikat dan firma audit.

4.1 Demografi Sampel

Bilangan sampel yang telah dipilih secara rawak dalam kajian ini berjumlah 181 buah syarikat. Analisis untuk demografi dibahagi kepada empat bahagian iaitu bahasa laporan tahunan, firma juruaudit, jenis industri dan saiz syarikat.

4.1.1 Bahasa Laporan Tahunan

Berdasarkan Bahagian A dalam senarai semakan, terdapat maklumat yang berkaitan dengan bahasa yang digunakan dalam laporan tahunan. Rajah 4.1 menunjukkan taburan sampel bagi bahasa yang digunakan dalam laporan tahunan syarikat.




Rajah 4.1: Bahasa dalam Laporan Tahunan Syarikat

Rajah 4.1 menunjukkan bahawa 163 buah syarikat iaitu 90.1% menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa dalam laporan tahunan syarikat. Manakala, 17 buah syarikat iaitu 9.4% menggunakan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (Dwi Bahasa) sebagai bahasa dalam laporan tahunan syarikat. Hanya satu syarikat sahaja iaitu 0.6% yang menggunakan Bahasa Malaysia dalam laporan tahunan syarikat.

4.1.2 Firma Audit


Rajah 4.2 menunjukkan bahawa 127 buah syarikat iaitu 70.2% diaudit oleh firma audit “*Big Four*”, manakala 54 buah syarikat iaitu 29.8% diaudit oleh firma juruaudit “*Non Big-Four*”.



Rajah 4.2: Firma Audit bagi Sampel Kajian

4.1.3 Jenis Industri


Rajah 4.3 menerangkan bilangan syarikat yang dikaji mengikut jenis industri. Rajah 4.3 menunjukkan 13.8% (25 buah syarikat) sampel kajian terdiri daripada sektor barangan pengguna, 21.0% (38 buah syarikat) terdiri daripada sektor barangan industri, 18.2% (33 buah syarikat) terdiri daripada sektor perdagangan dan perkhidmatan, 21.5% (39 buah syarikat) terdiri daripada sektor sektor pembinaan, hartanah dan projek infrastruktur, dan 13.3% (24 buah syarikat) terdiri daripada sektor kewangan dan unit amanah. Manakala, 12.2% (22 buah syarikat) terdiri daripada sektor hotel, perladangan, perlombongan dan teknologi.



Rajah 4.3: Bilangan Syarikat mengikut Jenis Industri

4.1.4 Saiz Syarikat

Rajah 4.4 menerangkan mengenai pengklasifikasian saiz syarikat mengikut jumlah aset. Rajah 4.4 menunjukkan bahawa 14 buah syarikat iaitu 7.7% bersaiz kecil, 86 buah syarikat iaitu 47.5% bersaiz sederhana dan 81 buah syarikat iaitu 44.8% bersaiz besar.



Rajah 4.4: Pengklasifikasian Saiz Syarikat

4.2 Pelaporan Penyata Aliran Tunai

Hasil kajian mengenai pelaporan penyata aliran tunai boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu: kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan.

4.2.1 Kaedah Pelaporan Penyata Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa daripada 181 buah syarikat yang dipilih didapati bahawa 160 buah syarikat iaitu 88.4% menggunakan kaedah tidak langsung dalam pendedahan aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Manakala, hanya terdapat 21 buah syarikat iaitu 11.6% yang menggunakan kaedah langsung dalam pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian.

Bahkan, Jadual 4.2 menunjukkan bahawa dari segi penyediaan penyata penyesuaian aliran tunai daripada aktiviti kendalian bagi syarikat yang menggunakan kaedah langsung didapati hanya 3 buah syarikat iaitu 1.7% sahaja yang menyediakan penyata penyesuaian aliran tunai. Dari segi pendedahan penyata penyesuaian, ianya didedahkan dalam nota kepada akaun.

Jadual 4.1: Pelaporan Kaedah Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Kaedah langsung	21	11.6
Kaedah tak langsung	160	88.4
Jumlah	181	100.0

Jadual 4.2: Bilangan Syarikat yang menyediakan Penyata Penyesuaian Aliran Tunai

Penyediaan Penyata Penyesuaian	Kekerapan	Peratus
Ya	3	1.7
Tidak	18	9.9
Tidak berkaitan	160	88.4
Jumlah	181	100.0

4.2.2 Amalan Pelaporan Pengelasan bagi Butiran Faedah

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa terdapat 82 buah sampel syarikat iaitu 50.3% mengkelaskan butir faedah diterima pada bahagian aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Manakala, terdapat 41.9% mendedahkan butir faedah diterima pada bahagian aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Terdapat 1.8% daripada keseluruhan syarikat yang mengkelaskan butir faedah diterima sebagai aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan. Seterusnya, 6.2% mengkelaskan butir faedah diterima pada bahagian aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan pelaburan. Selain daripada itu, terdapat 18 buah syarikat yang tidak mempunyai transaksi yang berkaitan dengan penerimaan faedah.

Jadual 4.3: Pengelasan bagi Butir Faedah Diterima

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	68	41.9
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	82	50.3
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	3	1.8
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan pelaburan	10	6.2
Tiada transaksi	18	-
Jumlah	181	100.0

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa amalan pengelasan bagi butir faedah dibayar oleh sampel syarikat. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada syarikat iaitu 58.5% mengkelaskan butir faedah dibayar sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Selain itu, terdapat 30.2% mengklasifikasikan butir faedah dibayar pada bahagian aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan dan hanya terdapat 1.9% yang mendedahkan butir ini sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Seterusnya, 9.4% mengkelaskan butir faedah dibayar pada bahagian aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan pembiayaan. Sementara itu, terdapat 22 buah syarikat daripada keseluruhan tiada transaksi bagi butir ini.

Jadual 4.4: Pengelasan bagi Butir Faedah Dibayar

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	93	58.5
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	3	1.9
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	48	70.2
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan pembiayaan	15	9.4
Tiada transaksi	22	-
Jumlah	181	100.0

4.2.3 Amalan Pelaporan Pengelasan bagi Butiran Dividen

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa pengelasan bagi butir dividen diterima oleh sampel syarikat. Hasil kajian mendapati bahawa 78.5% mengklasifikasikan butir dividen diterima sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan, 17.4% dan 4.1% daripada 121 buah syarikat yang mempunyai pendedahan bagi butir ini mendedahkan transaksi penerimaan dividen sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan pembiayaan. Manakala, sebanyak 60 buah syarikat yang tidak mempunyai transaksi penerimaan dividen.

Jadual 4.5: Pengelasan bagi Butir Dividen Diterima

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	21	17.4
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	95	78.5
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	5	4.1
Tiada transaksi	60	-
Jumlah	181	100.0

Berdasarkan kepada Jadual 4.6, didapati bahawa 95.7% daripada keseluruhan syarikat mengelaskan butir dividen dibayar sebagai aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan. Sementara itu, 3.6% yang mengelaskan butir dividen dibayar sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Hanya terdapat 0.7% yang mendedahkan butir ini dalam bahagian aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Manakala terdapat 43 buah

syarikat daripada keseluruhan tidak mempunyai transaksi yang berkaitan dengan pembayaran dividen.

Jadual 4.6: Pengelasan bagi Butir Dividen Dibayar

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	5	3.6
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	1	0.7
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	132	95.7
Tiada transaksi	43	-
Jumlah	181	100.0

4.2.4 Amalan Pelaporan Pengelasan bagi Butiran Cukai Pendapatan

Jadual 4.7 menunjukkan bahawa 99.4% daripada keseluruhan syarikat mengkategorikan butir cukai pendapatan sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Manakala, tiada syarikat yang mendedahkan butir ini sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Sementara itu, 0.6% yang mengkelaskan butir cukai pendapatan sebagai komponen di dalam aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan. Selain itu, terdapat enam buah syarikat tidak membuat sebarang pembayaran cukai pendapatan.

Jadual 4.7: Pengelasan bagi Butir Cukai Pendapatan

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	174	99.4
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	-	-
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	1	0.6
Tiada transaksi	6	-
Jumlah	181	100.0

4.3 Hubungan dengan Ciri Syarikat

Analisis dalam bahagian ini membincangkan faktor-faktor yang mempunyai hubungan di antara kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan ciri-ciri syarikat. Ujian khi kuasa dua telah digunakan untuk menentukan darjah pertalian antara pemboleh ubah sama ada pemboleh ubah-pemboleh ubah itu bebas antara satu sama lain atau mempunyai pertalian. Ujian khi kuasa dua turut digunakan bagi menentukan sama ada pemboleh ubah tidak bersandar mempunyai hubungan dengan pemboleh ubah bersandar yang diuji. Oleh kerana kajian ini bersifat empirikal, tahap signifikan 5% telah digunakan. Ini bermakna, jika nilai χ^2 yang diuji kurang daripada 5%, pemboleh ubah bersandar yang berkaitan boleh diterima sebagai faktor yang mempunyai hubungan dengan ciri syarikat, bergantung kepada pengukuran prestasi (pemboleh ubah bersandar) yang digunakan. Tiga pemboleh ubah bersandar tersebut ialah jenis industri, saiz syarikat dan firma audit.

4.3.1 Hipotesis Jenis Industri

Bagi menguji hipotesis firma audit, ujian khi kuasa dua digunakan bagi menguji perhubungan yang signifikan di antara dua angkubah tersebut. Bagi tujuan analisis ujian khi kuasa dua, jenis industri yang sepertimana diklasifikasikan oleh BSKL dikategorikan kepada enam sektor. Sektor tersebut ialah “Barangan Pengguna”, “Barangan Industri”, “Perdagangan dan Perkhidmatan”, “Pembinaan, Hartanah dan Projek Infrastruktur”, “Kewangan dan Unit Amanah” dan lain-lain iaitu “Hotel, Perladangan, Perlombongan dan Teknologi”. Keputusan ujian khi kuasa dua ditunjukkan dalam Jadual 4.8.

Jadual 4.8: Ujian Khi Kuasa Dua bagi Jenis Industri

Industri	Kaedah langsung		Kaedah tak langsung		Jumlah
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
B Pengguna	5	20.0	20	80.0	25
B Industri	4	10.5	34	89.5	38
P & Perkhidmatan	3	9.1	30	90.9	33
PHPI	5	12.8	34	87.2	39
Kewangan	2	8.3	22	91.7	24

Lain-lain	2	9.1	20	90.9	22
Jumlah	21	11.6	160	88.4	181
Khi kuasa dua	2.407				
Signifikan	0.790				

Nota:

B = Barangan

P = Perdagangan

PHPI = Pembinaan, Hartanah dan Projek Infrastruktur

Berdasarkan analisa statistik dalam Jadual 4.8, nilai kritikal bagi $\alpha^2_{0.05,5} = 2.407$. Kesemua nilai α^2 berada di dalam rantau penerimaan. Ini bermaksud kita gagal untuk menolak $H_{10} =$ Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri, $1 - \alpha = 0.95$ dan tak signifikan $H_{1a} =$ Ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri. Maka hasil analisa ujian statistik menunjukkan bahawa kita gagal untuk menolak hipotesis nul iaitu $H_{10} =$ Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri. Ini bermaksud tidak ada hubungan yang signifikan ke atas kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri pada paras keyakinan 95%. Ini menjelaskan bahawa jenis industri tidak mempunyai hubungan dengan kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian di dalam laporan tahunan syarikat.

4.3.2 Hipotesis Saiz Syarikat

Bagi menguji hipotesis firma audit, ujian khi kuasa dua digunakan bagi menguji perhubungan yang signifikan di antara dua angkubah tersebut. Bagi tujuan analisis ujian khi kuasa dua, saiz syarikat diukur berdasarkan jumlah aset. Jumlah aset setiap syarikat diklasifikasikan kepada tiga kumpulan iaitu “Kurang daripada RM100 juta” dikenali sebagai syarikat bersaiz kecil, “RM100 juta hingga RM500 juta” dikenali sebagai syarikat bersaiz sederhana dan “Lebih daripada RM500 juta” dikenali sebagai syarikat bersaiz besar. Keputusan ujian khi kuasa dua ditunjukkan dalam Jadual 4.9.

Jadual 4.9: Ujian Khi Kuasa Dua bagi Saiz Syarikat

Jumlah aset RM juta	Kaedah langsung		Kaedah tak langsung		Jumlah
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
< 100	2	14.3	12	85.7	14
100 hingga 500	7	8.1	79	91.9	86
> 500	12	14.8	69	85.2	81
Jumlah	21	11.6	160	88.4	181
Khi kuasa dua	1.919				
Signifikan	0.383				

Berdasarkan analisa statistik yang ditunjukkan dalam Jadual 4.9, nilai kritikal bagi $\alpha^2_{0.05,2} = 1.919$. Kesemua nilai α^2 berada di dalam rantau penerimaan. Ini bermaksud kita gagal untuk menolak $H_{2o} =$ Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan saiz syarikat, $1 - \alpha = 0.95$ dan tak signifikan $H_{2a} =$ Ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan saiz syarikat. Maka hasil analisa ujian statistik menunjukkan bahawa kita gagal untuk menolak hipotesis nul iaitu $H_{2o} =$ Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan saiz syarikat. Ini bermaksud tidak ada hubungan yang signifikan ke atas saiz syarikat dengan perubahan perakaunan pada paras keyakinan 95%. Ini menjelaskan bahawa saiz syarikat tidak mempunyai hubungan dengan kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian di dalam laporan tahunan syarikat.

4.3.3 Hipotesis Firma Audit

Bagi menguji hipotesis firma audit, ujian khi kuasa dua digunakan bagi menguji perhubungan yang signifikan di antara dua angkubah tersebut. Bagi tujuan analisis ujian khi kuasa dua, firma audit dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu “Big Four” yang mana mengandungi empat firma audit terbesar di Malaysia (dalam terma mengenai bilangan pelanggan yang tersenarai dalam firma audit awam), dan “Non Big Four” yang mana mengandungi kesemua firma audit awam di Malaysia. Keputusan ujian khi kuasa dua ditunjukkan dalam Jadual 4.10.

Jadual 4.10: Ujian Khi Kuasa Dua bagi Firma Audit

Firma audit	Kaedah langsung		Kaedah tak langsung		Jumlah
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
Big Four	18	14.2	109	85.8	127
Non Big Four	3	5.6	51	94.4	54
Jumlah	21	11.6	160	88.4	181
Khi kuasa dua	2.744				
Signifikan	0.098				

Berdasarkan analisa statistik dalam Jadual 4.10, nilai kritikal bagi $\alpha^2_{0.05,1} = 2.744$. Kesemua nilai α^2 berada di dalam rantau penerimaan. Ini bermaksud kita gagal untuk menolak $H_{30} =$ Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan firma audit, $1 - \alpha = 0.95$ dan tak signifikan $H_{3a} =$ Ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan firma audit. Maka hasil analisa ujian statistik menunjukkan bahawa kita gagal untuk menolak hipotesis nul iaitu $H_{30} =$ Tidak ada hubungan di antara kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan firma audit. Ini bermaksud tidak ada hubungan yang signifikan ke atas kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan firma audit pada paras keyakinan 95%. Ini menjelaskan bahawa syarikat yang diaudit oleh firma audit tidak mempunyai hubungan dengan kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian di dalam laporan tahunan syarikat.

4.4 Kesimpulan

Dalam kajian ini dalam konteks praktis di Malaysia, cuba mengkaji kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan. Seterusnya, kajian ini juga mengkaji sama ada wujud perhubungan di antara kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri, saiz syarikat dan firma audit.

Kajian mendapat bahawa kebanyakan syarikat di Malaysia memilih menggunakan kaedah tidak langsung berbanding dengan penggunaan kaedah langsung dalam pelaporan

aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Tambahan lagi, kebanyakan syarikat melaporkan butir faedah diterima sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan manakala faedah dibayar sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Bagi butir dividen diterima kebanyakan syarikat mengklasifikasikan sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan manakala bagi butir dividen dibayar dikelaskan sebagai aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan. Bagi butir cukai pendapatan pula didapati kebanyakan syarikat melaporkan sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian.

Manakala, ujian khi kuasa dua yang dijalankan ke atas kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan ciri-ciri syarikat menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan di antara kaedah pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dengan jenis industri, saiz syarikat dan firma audit.

BAB V

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Penyata aliran tunai merupakan satu penyata sokongan yang penting kepada Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-kira sesebuah syarikat kerana ia memberi gambaran kebolehan syarikat melunaskan tanggungan pada masa hadapan (Atrill, 2001). Sehubungan dengan itu, kajian ini telah dijalankan untuk mengenal pasti amalan pelaporan Penyata Aliran Tunai di kalangan syarikat tersenarai di BSKL. Di dalam bab ini, pengkaji membincangkan rumusan dan perbincangan kepada dapatan kajian ini dan cadangan untuk kajian pada masa hadapan.

5.1 Rumusan dan Implikasi Kajian

Kajian ini merupakan replikasi daripada kajian terdahulu berdasarkan kajian literatur yang telah dibuat. Namun begitu, kajian ini menggunakan MASB 5 iaitu piawai perakaunan terkini berkaitan penyediaan Penyata Aliran Tunai di Malaysia, yang digunakan sebagai rujukan untuk mengkaji amalan pelaporan di kalangan syarikat tersenarai di Papan Utama BSKL.

Dapatan kajian mendapati tiada perubahan ketara dalam amalan pelaporan Penyata Aliran Tunai berbanding kajian terdahulu oleh Ng (1999). Kaedah tidak langsung terus menjadi pilihan utama pengamal perakaunan dalam melaporkan aliran tunai dari aktiviti kendalian walaupun MASB 5 (1999) menggalakan penggunaan kaedah langsung. Ng (1999) berpendapat bahawa faktor yang menyebabkan pengamal lebih

gemar menggunakan kaedah tidak langsung ialah kerana kaedah tersebut lebih mudah difahami dan mereka telah terbiasa dengan pengiraan dana dari operasi yang digunakan dalam Penyata Perubahan Dana yang telah dimansuhkan. Oleh itu, pihak bertanggungjawab seperti Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (LPPM) perlu memainkan peranan untuk menggalakkan penggunaan kaedah langsung dengan memperbanyakkan kursus yang berkaitan. Ini akan memberi kesedaran dan galakan kepada pengamal perakaunan untuk menyediakan laporan dengan menggunakan kaedah yang lebih bermakna kepada pengguna kerana menurut MASB 5, kaedah langsung dapat membantu menganggarkan aliran tunai masa hadapan. Selain itu, langkah yang lebih dianggap drastik yang boleh diambil ialah dengan menghapuskan pilihan untuk menggunakan kaedah tidak langsung. Ini kerana menurut kajian Krishnan dan Largay III (1998), penggunaan kaedah tidak langsung mudah terdedah kepada manipulasi oleh pihak pengamal perakaunan dan ini boleh menyebabkan laporan yang dibuat mengelirukan pengguna.

Dapatan kajian terhadap pengkelasan butiran faedah dibayar, faedah diterima, dividen dibayar, dividen diterima dan cukai dibayar juga tidak menunjukkan perubahan ketara berbanding kajian terdahulu. Ini kerana penentuan untuk mengkelaskan butiran tersebut adalah bergantung kepada penilaian dan tafsiran pengamal perakaunan sendiri. MASB 5 Para 31 juga turut menegaskan bahawa pengkelasan butiran tersebut perlulah dilakukan dengan tekal dari setahun ke setahun dan kerana itulah mungkin tiada perbezaan ketara dalam kajian ini berbanding kajian terdahulu. Selain itu, terdapat dapatan kajian berkaitan pengkelasan butiran faedah yang menimbulkan keraguan dan persoalan kerana didapati tiada transaksi bagi sebilangan syarikat. Ini kerana sampel dan populasi kajian adalah syarikat besar yang tersenarai di BSKL dan agak mustahil jika sesebuah syarikat tersebut tidak menerima atau membayar faedah dalam sesuatu tahun. Perkara ini mungkin menandakan ketidakpatuhan kepada piawai perakaunan seperti mana yang dicadangkan oleh Kintzele (1997).

5.2 Kesimpulan dan Cadangan Kajian Akan Datang

Dapatan kajian ini dapat memberi gambaran tentang amalan perakaunan di Malaysia, khususnya dari segi penyediaan Penyata Aliran Tunai di kalangan syarikat tersenarai di BSKL. Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa amalan perakaunan adalah mematuhi kehendak dan panduan yang diberikan oleh LPPM. Namun begitu, disebabkan terdapat kebebasan untuk memilih kaedah pelaporan seperti yang dinyatakan dalam MASB 5 (contohnya dari segi pemilihan kaedah langsung dan tidak langsung), kajian pada masa hadapan mungkin boleh melihat kepada faktor pemilihan kaedah yang digunakan dalam penyediaan penyata aliran tunai. Tambahan pula, bagi memantapkan kajian pada masa hadapan, kajian boleh mendapatkan data primer iaitu melalui temu bual atau maklum balas daripada pihak yang menyediakan laporan tahunan iaitu syarikat, dan pandangan serta komen daripada pengubal undang-undang dan piawaian perakaunan seperti Bursa Malaysia (dahulunya dikenali sebagai BSKL) dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (LPPM).

Selain itu, satu kajian merentas masa (*time series*) juga mungkin boleh dibuat untuk mengkaji sama ada syarikat di Malaysia tekal dalam pemilihan kaedah pelaporan seperti yang dikehendaki oleh MASB 5. Akhir sekali, pengkaji juga mencadangkan supaya satu kajian berkaitan aspek kefahaman dan kebergunaan Penyata Aliran Tunai di kalangan pengguna dapat dijalankan pada masa hadapan. Kajian tersebut mungkin akan dapat membantu pihak yang berkaitan dalam memperbaiki dan mengemas kini keadah dan format laporan Penyata Aliran Tunai supaya dapat memberi maklumat yang lebih bermakna dan berguna kepada pengguna laporan kewangan.

LAMPIRAN 3

Case Processing Summary

	Cases					
	Valid		Missing		Total	
	N	Percent	N	Percent	N	Percent
Kaedah pendedahan aktiviti kendalian * Juruaudit firma	181	100.0%	0	.0%	181	100.0%

Kaedah pendedahan aktiviti kendalian * Juruaudit firma Crosstabulation

			Juruaudit firma		Total
			Big four	Non big four	
Kaedah pendedahan aktiviti kendalian	Kaedah langsung	Count	18	3	21
		% within Kaedah pendedahan aktiviti kendalian	85.7%	14.3%	100.0%
		% within Juruaudit firma	14.2%	5.6%	11.6%
		% of Total	9.9%	1.7%	11.6%
	Kaedah tak langsung	Count	109	51	160
		% within Kaedah pendedahan aktiviti kendalian	68.1%	31.9%	100.0%
		% within Juruaudit firma	85.8%	94.4%	88.4%
		% of Total	60.2%	28.2%	88.4%
	Total	Count	127	54	181
		% within Kaedah pendedahan aktiviti kendalian	70.2%	29.8%	100.0%
		% within Juruaudit firma	100.0%	100.0%	100.0%
		% of Total	70.2%	29.8%	100.0%

Chi-Square Tests

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)	Exact Sig. (2-sided)	Exact Sig. (1-sided)
Pearson Chi-Square	2.744 ^b	1	.098		
Continuity Correction ^a	1.968	1	.161		
Likelihood Ratio	3.102	1	.078		
Fisher's Exact Test				.129	.075
Linear-by-Linear Association	2.728	1	.099		
N of Valid Cases	181				

a. Computed only for a 2x2 table

b. 0 cells (.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is 6.27.

Case Processing Summary

	Cases					
	Valid		Missing		Total	
	N	Percent	N	Percent	N	Percent
Kaedah pendedahan aktiviti kendalian * Pengklasifikasian kategori industri	181	100.0%	0	.0%	181	100.0%

Chi-Square Tests

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	2.407 ^a	5	.790
Likelihood Ratio	2.188	5	.823
Linear-by-Linear Association	.927	1	.336
N of Valid Cases	181		

a. 6 cells (50.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is 2.55.

Kaedah pendedahan aktiviti kendalian * Pengklasifikasian kategori industri Crosstabulation

	Pengklasifikasian kategori industri						Total
	Barangan pengguna	Barangan industri	Perdagangan dan perkhidmatan	Pembinaan, hartanah dan projek infrastruktur	Kewangan dan unit amanah	Hotel, perladangan, perlombongan dan teknologi	
Kaedah pendedahan aktiviti kendalian	Count	4	3	5	2	2	21
	% within Kaedah pendedahan aktiviti kendalian	19.0%	14.3%	23.8%	9.5%	9.5%	100.0%
	% within Pengklasifikasian kategori industri	10.5%	9.1%	12.8%	8.3%	9.1%	11.6%
	% of Total	2.2%	1.7%	2.8%	1.1%	1.1%	11.6%
Kaedah tak langsung	Count	34	30	34	22	20	160
	% within Kaedah pendedahan aktiviti kendalian	21.3%	18.8%	21.3%	13.8%	12.5%	100.0%
	% within Pengklasifikasian kategori industri	89.5%	90.9%	87.2%	91.7%	90.9%	88.4%
	% of Total	18.8%	16.6%	18.8%	12.2%	11.0%	88.4%
Total	Count	38	33	39	24	22	181
	% within Kaedah pendedahan aktiviti kendalian	21.0%	18.2%	21.5%	13.3%	12.2%	100.0%
	% within Pengklasifikasian kategori industri	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%
	% of Total	21.0%	18.2%	21.5%	13.3%	12.2%	100.0%

Case Processing Summary

	Cases					
	Valid		Missing		Total	
	N	Percent	N	Percent	N	Percent
Kaedah pendedahan aktiviti kendalian * Pengelasan jumlah aset	181	100.0%	0	.0%	181	100.0%

Chi-Square Tests

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	1.919 ^a	2	.383
Likelihood Ratio	1.959	2	.376
Linear-by-Linear Association	.685	1	.408
N of Valid Cases	181		

a. 1 cells (16.7%) have expected count less than 5. The minimum expected count is 1.62.

Kaedah pendedahan aktiviti kendalian * Pengelasan jumlah aset Crosstabulation

		Pengelasan jumlah aset			Total
		Kurang daripada RM100 juta	RM100 juta hingga RM500 juta	Lebih daripada RM500 juta	
Kaedah pendedahan aktiviti kendalian	Kaedah langsung	2	7	12	21
	Count				
	% within Kaedah pendedahan aktiviti kendalian	9.5%	33.3%	57.1%	100.0%
	% within Pengelasan jumlah aset	14.3%	8.1%	14.8%	11.6%
	% of Total	1.1%	3.9%	6.6%	11.6%
Kaedah tak langsung	Kaedah tak langsung	12	79	69	160
	Count				
	% within Kaedah pendedahan aktiviti kendalian	7.5%	49.4%	43.1%	100.0%
	% within Pengelasan jumlah aset	85.7%	91.9%	85.2%	88.4%
	% of Total	6.6%	43.6%	38.1%	88.4%
Total	Total	14	86	81	181
	Count				
	% within Kaedah pendedahan aktiviti kendalian	7.7%	47.5%	44.8%	100.0%
	% within Pengelasan jumlah aset	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%
	% of Total	7.7%	47.5%	44.8%	100.0%

RUJUKAN

- Atrill, P. (2001). "Profit is not enough." *Accountancy*. 127. 134 – 136.
- Bremser, Wayne G. (1975). "The earnings characteristics of firms reporting discretionary accounting changes?" *The Accounting Review* (July):563-572.
- Christine Yap. (1996). "Cash Flow Statements: How Useful?" *Australian Accountant*. December. 36-37.
- Firth, M. (1979). "The impact of size, stock market listing and auditors on voluntary disclosure in corporate annual accounts." *Journal of Accounting and Business Research* (Autumn):273-280.
- Gosman, M. L. (1973). "Characteristics of firms making accounting changes." *The Accounting Review*:1-11.
- Ho Sow Sin. (1989). "Corporate social responsibility disclosures in Malaysia." *Akauntan Nasional*. Januari. 4-8.
- International Accounting Standards Committee. (2001). "Cash Flow Statement." United States of America:(IAS 7).
- Jones, K.H., Price, J.B., Wernner, M.L. dan Doran, M.S. (1996). "Introduction To Financial Accounting: A User Perspective." Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Kintzele, P.L. (1997). "Implementing SFAS 95, Statement of Cash Flows." *The CPA Journal Online*.
- Krishnan, G.V. dan Largay III, J.A. (1998). "The Predictive Ability of Direct Method Cash Flow Information." AAA.
- Leong Kwong Sin, Low Siew Siang dan Pang Yang Hoong. (1989). "Highlights statements in annual reports of Singapore public companies." *Singapore Accountant*, January:15-18.
- Malaysian Accounting Standards Board 5. (1999). "Penyata Aliran Tunai." Kuala Lumpur:(MASB 5).
- Mohd Noor Azli Ali Khan. (2002). "Pendedahan Pelaporan Perubahan Perakaunan: Trend Dan Hubungannya Dengan Pendapatan Sesaham, Saiz Syarikat & Firma Audit." Dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan dan Pembangunan*

- Sumber Manusia*. Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia. Universiti Teknologi Malaysia. 27-36.
- Ng Eng Juan *et al.* (1998). “*Accounting and Disclosure Practices of Listed Companies in Singapore*.” Singapore. Prentice Hall.
- Ng Eng Juan. (1991). The impact of industry, size and auditor on presentation of highlights statement: A Singapore experience.” *The Malaysian Accountant*, February. 23-25.
- Ng Eng Juan. (1998). ‘Accounting for the effects of changes in foreign exchange rates: An empirical study of the accounting & disclosure issues.’. *Akauntan Nasional*, September. 4-7.
- Ng Eng Juan. (1999). Cash flow statement: An empirical study of the disclosure practices of Malaysian companies.” *Akauntan Nasional*, July. 6-11.
- Noor Azizi Ismail dan Mohamad Tayib. (2000). Financial Reporting Disclosure On The Internet By Malaysian Public Listed Companies.” *Akauntan Nasional*. November/December. 28-33.
- Suruhanjaya Sekuriti (2001). Kenyataan Akhbar Berita Harian – SC Mengingatkan Syarikat Awam Tersenarai – Penyata Kewangan Mesti Mematuhi Piawaian Perakaunan Yang Diluluskan.” Malaysia, Kuala Lumpur.
- Tan Liong Tong dan Chew Tek Ann. (1996). Non-Disclosure in the Abridged Profit and Loss Accounts of Malaysian Listed Corporations” *The Malaysian Accountant*. April. 2-4.
- Woon, Chin Chan (1999). The Important of Cash Flow Statements.” *Akauntan Nasional*. 10. 19 – 20.

LAMPIRAN 1

SENARAI SAMPEL SYARIKAT

29 DISEMBER 2003 [ISNIN]

BIL.	NAMA	JENIS INDUSTRI
1.	Advance Synergy Capital Berhad	Dagangan/Khidmat
2.	Fraser & Neave Holdings Berhad	Barangan Pengguna
3.	Affin Holdings Berhad	Kewangan
4.	DRB – Hicom Berhad	Barangan Industri
5.	IOI Corporation Berhad	Perladangan
6.	AMDB Berhad	Hartanah
7.	C.I. Holdings Berhad	Barangan Industri
8.	Asian Pac Holdings Berhad	Kewangan
9.	CSM Corp. Berhad*	PN4
10.	Lingkar Trans Kota Holdings Berhad	Projek Infrastruktur
11.	Hong Leong Credit Berhad	Kewangan
12.	Apollo Food Holdings Berhad	Barangan Pengguna
13.	APL Industries Berhad	Barangan Industri
14.	OSK Property Holdings Berhad	Hartanah
15.	Amalgated Containers Berhad	Barangan Industri
16.	O.Y.L Industries Berhad	Barangan Pengguna
17.	Omega Holdings Berhad	Kewangan
18.	ANCOM Berhad	Barangan Industri
19.	NCB Holdings Berhad	Dagangan/Khidmat
20.	Amway (Malaysia) Holdings Berhad	Dagangan/Khidmat
21.	MBF Holdings Berhad	Dagangan/Khidmat
22.	Anson Perdana Berhad	Hartanah
23.	Malaysia Aica Berhad	Barangan Industri
24.	Computer Systems Advisers (M) S/B	Teknologi
25.	Dijaya Corporation Berhad	Barangan Industri
26.	AIC Corporation Berhad	Teknologi
27.	Arab-Malaysia Corporation Berhad	Kewangan

30 DISEMBER 2003 [SELASA]

BIL.	NAMA	JENIS INDUSTRI
28.	Pan Malaysian Industries Berhad	Dagangan/Khidmat
29.	Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)	Dagangan/Khidmat
30.	Public Finance Berhad	Kewangan
31.	PJ Development Holdings Berhad	Hartanah
32.	Bintai Kinden Corporation Berhad	Dagangan/Khidmat
33.	Brem Holdings Berhad	Pembinaan
34.	Amsteel Corporation Berhad	Barangan Industri
35.	Palmco Holdings Berhad	Barangan Industri
36.	Austral Amalgamated Berhad	Hartanah
37.	Pan Malaysian Capital Berhad	Kewangan
38.	Antah Holdings Berhad	Dagangan/Khidmat
39.	PCCS Group Berhad	Barangan Pengguna
40.	Aokam Perdana Berhad	Barangan Industri
41.	PDZ Holdings Berhad	Dagangan/Khidmat
42.	Dutch Lady Milk Industries Berhad	Barangan Pengguna
43.	Pilecon Engineering Berhad	Pembinaan

BIL.	NAMA	JENIS INDUSTRI
44.	Asia Pacific Land Berhad	Hartanah
45.	PLB Engineering Berhad	Pembinaan
46.	Berjantai Tin Dredging Berhad	Perlombongan
47.	Pernas International Holdings Berhad	Dagangan/Khidmat
48.	Cycles & Carriage Bintang Berhad	Barangan Pengguna
49.	U-Wood Holdings Berhad	Hartanah
50.	Ajinomoto (M'sia) Berhad	Barangan Pengguna
51.	Warisan TC Holdings Berhad	Dagangan/Khidmat
52.	AMFB Holdings Berhad	Kewangan
53.	United Malacca Berhad	Dagangan/Khidmat
54.	United Malayan Land Berhad	Hartanah
55.	Berjaya Land Berhad	Dagangan/Khidmat
56.	UMW Holdings Berhad	Barangan Pengguna
57.	BIMB Holdings Berhad	Kewangan
58.	Tractors M'sia Holdings Berhad	Barangan Industri
59.	Bolton Berhad	Hartanah
60.	Southern Acids (M) Berhad	Barangan Industri
61.	Boustead Holdings Berhad	Dagangan/Khidmat
62.	Techno Asia Holdings Berhad	Dagangan/Khidmat
63.	Berjaya Capital Berhad	Kewangan
64.	Tanco Holdings Berhad	Hartanah
65.	BCB Berhad	Hartanah
66.	The Store Corporation Berhad	Dagangan/Khidmat
67.	Bukit Katil Resources Berhad	Dagangan/Khidmat
68.	Tasek Corporation Berhad	Barangan Industri
69.	TDM Berhad	Dagangan/Khidmat
70.	Batu Kawan Berhad	Dagangan/Khidmat

31 DISEMBER 2003 [RABU]

BIL.	NAMA	JENIS INDUSTRI
71.	Unza Holdings Berhad	Barangan Pengguna
72.	Econstates Berhad	Hartanah
73.	YTL Land & Development Berhad	Hartanah
74.	EOX Group Berhad	Dagangan/Khidmat
75.	V.S. Industry Berhad	Barangan Industri
76.	Choo Bee Metal Industries Berhad	Barangan Industri
77.	WTK Holdings Berhad	Barangan Industri
78.	DIGI.Com Berhad	Projek Infrastruktur
79.	YTL Corporation Berhad	Pembinaan
80.	YTL Power International Berhad	Barangan Pengguna
81.	Yee Lee Corporation Berhad	Barangan Pengguna
82.	Datuk Keramat Holdings Berhad	Perladangan
83.	MHC Plantations Berhad	Perladangan
84.	Daiman Development Berhad	Hartanah
85.	Mutiara Goodyear Development Berhad	Hartanah
86.	Chin Well Holdings Berhad	Barangan Industri
87.	Hua Yang Berhad	Hartanah
88.	Chin Teck Plantations Berhad	Perladangan
89.	Country View Berhad	Hartanah
90.	Unico-Desa Plantations Berhad	Perladangan
91.	Commerce-Asset Holdings Berhad	Kewangan
92.	Yi-Lai Berhad	Barangan Industri

BIL.	NAMA	JENIS INDUSTRI
93.	Crimson Land Berhad	Hartanah
94.	Hock Sin Leong Group Berhad	Dagangan/Khidmat
95.	Crescendo Corporation Berhad	Hartanah
96.	YTL Cement Berhad	Barangan Industri
97.	KSL Holdings Berhad	Hartanah
98.	Enroplus Berhad	Hartanah
99.	Edaran Digital Systems Berhad	Dagangan/Khidmat
100.	George Kent (M) Berhad	Dagangan/Khidmat
101.	Guthrie Ropel Berhad	Perladangan
102.	George Town Holdings Berhad	Dagangan/Khidmat
103.	Kumpulan FIMA Berhad	Dagangan/Khidmat
104.	Hexza Corporation Berhad	Barangan Industri
105.	Harrisons Holdings (M'sia) Berhad	Dagangan/Khidmat

25 MAC 2004 (KHAMIS)

BIL.	NAMA	JENIS INDUSTRI
106.	Cahaya Mata Sarawak Berhad	Kewangan
107.	Siah Brothers Corporation Berhad	Pembinaan
108.	Malton Berhad	Kewangan
109.	Camerlin Group Berhad	Barangan Industri
110.	Setron (M) Berhad	Barangan Pengguna
111.	Malpac Holdings Berhad	Kewangan
112.	Rohas-Enco Industries Berhad	Barangan Industri
113.	Malaysian Oxygen Berhad	Barangan Industri
114.	Riverview Rubber Estates Berhad	Perladangan
115.	Saujana Consolidated Berhad	Hotel
116.	Malaysian Moraics Berhad	Dagangan/Khidmat
117.	Patimas Computers Berhad*	Dagangan/Khidmat
118.	Pulai Springs Berhad	Dagangan/Khidmat
119.	Malaysian Merchant Marine Berhad	Dagangan/Khidmat
120.	Paracorp Berhad	Barangan Industri
121.	Malaysia Mining Corporation Berhad	Perlombongan
122.	NV Multi Corporation Berhad	Dagangan/Khidmat
123.	Malaysia Building Society Berhad	Dagangan/Khidmat
124.	Nexnews Berhad	Barangan Pengguna
125.	Minho (M) Berhad	Barangan Industri
126.	Malayan United Industries Berhad	Dagangan/Khidmat
127.	Ornapaper Berhad	Barangan Industri
128.	Kuala Lumpur City Corporation Berhad	Kewangan
129.	Malayawata Steel Berhad	Barangan Industri
130.	Leader Universal Holdings Berhad	Dagangan/Khidmat
131.	Malayan Cement Berhad	Barangan Industri
132.	Lien Hoe Corporation Berhad	Hartanah
133.	Malaysian Airline System Berhad	Dagangan/Khidmat
134.	Kenmerk Industrial Co (M) Berhad	Barangan Pengguna
135.	Mega First Corporation Berhad	Perlombongan
136.	MAA Holdings Berhad	Kewangan
137.	Merge Housing Berhad	Pembinaan
138.	LPI Capital Berhad	Kewangan
139.	Maxis Communications Berhad	Dagangan/Khidmat

BIL.	NAMA	JENIS INDUSTRI
139.	Maxis Communications Berhad	Dagangan/Khidmat
140.	Mamee-Double Decker (M) Sdn. Bhd.	Barangan Pengguna
141.	Lion Land Berhad	Barangan Industri
142.	Marco Holdings Berhad	Barangan Pengguna
143.	Matrix International Berhad	Barangan Pengguna
144.	Malakoff Berhad	Perladangan
145.	Lion Industries Corporation Berhad	Teknologi
146.	Malayan Banking Berhad	Kewangan
147.	RHB Bank Berhad	Kewangan
148.	RHB Capital Berhad	Kewangan

26 MAC 2004 (JUMAAT)

BIL.	NAMA	JENIS INDUSTRI
149.	Sunway City Berhad	Hartanah
150.	Enstex Group Berhad	Dagangan/Khidmat
151.	Sindora Berhad	Barangan Industri
152.	EUPE Corporation Berhad	Hartanah
153.	Sriwani Holdings Berhad	Dagangan/Khidmat
154.	Eksons Corporation Berhad	Barangan Pengguna
155.	Hytex Integrated Berhad	Barangan Industri
156.	Sin Heng Chan (Malaya) Berhad	Barangan Pengguna
157.	I-Berhad	Barangan Pengguna
158.	Sitt Tatt Berhad	Barangan Industri
159.	Hei Tech Padu Berhad	Teknologi
160.	Halim Mazmin Berhad	Dagangan/Khidmat
161.	White Hourse Berhad	Barangan Industri
162.	HLG Capital Berhad	Kewangan
163.	Wing Tiek Holdings Berhad	Barangan Industri
164.	Intria Berhad	Pembinaan
165.	QL Resources Berhad	Barangan Pengguna
166.	Pintaras Jaya Berhad	Pembinaan
167.	Box-Pak (M) Berhad	Barangan Industri
168.	Bristish American Tabocco (M) Berhad	Barangan Pengguna
169.	PK Resources Berhad	Barangan Pengguna
170.	Plantation & Development (M) Berhad	Pembinaan
171.	Cosway Corporation Berhad	Barangan Pengguna
172.	Matsushita Electric Company (M) Berhad	Barangan Pengguna
173.	DKLS Industries Berhad	Pembinaan
174.	Jaya Tiasa Holdings Berhad	Barangan Industri
175.	Ranhill Berhad	Pembinaan
176.	Atis Corporation Berhad	Dagangan/Khidmat
177.	Promet Berhad	Pembinaan
178.	Apex Equity Holdings Berhad	Teknologi
179.	PPB Oil Palms Berhad	Perladangan
180.	Baneng Holding Berhad	Barangan Pengguna
181.	ACP Industries Berhad	Barangan Industri
182.	PNE PCB Berhad	Barangan Industri
183.	AKN Technology Berhad	Teknologi

* maklumat responden tidak lengkap

**Sehingga 31 Disember 2003 jumlah syarikat yang tersenarai di Papan Utama BSKL = 598
598*30% = 180 buah syarikat (minimum bilangan sampel)**

LAMPIRAN 2

PRIVATE & CONFIDENTIAL



**FACULTY OF MANAGEMENT & HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

CHECKLIST

On

A STUDY ON CASH FLOW STATEMENTS REPORTING IN MALAYSIA.

This is to certify that the information given will be treated with total confidentiality and will only be used by the researchers for their project paper.

SENARAI SEMAKAN

KAJIAN KE ATAS KAEDAH PENGAMALAN PENDEDAHAN PELAPORAN PENYATA ALIRAN TUNAI DI MALAYSIA

Bahagian A: Latar Belakang Syarikat	<i>Kegunaan penyelidik</i>
1. Nama Syarikat : _____	
2. Tarikh Kunci Kira-kira : _____	
3. Hasil Jualan Tahunan Syarikat : RM _____	
4. Jumlah Aset : RM _____	
5. Bahasa yang digunakan dalam laporan tahunan:	
a) Bahasa Malaysia ()	
b) Bahasa Inggeris ()	
c) Bahasa Mandarin ()	
6. Juruaudit:	
a) Big Four ()	
i) PricewaterhouseCoopers ()	
ii) KPMG PeatMarwick ()	
iii) Ernst & Young ()	
iv) Deloitte & Touche ()	
b) Non Big Four ()	
7. Jenis industri yang diceburi syarikat:	
a) Barangan Pengguna ()	
b) Barangan Industri ()	
c) Pembinaan dan Hartanah ()	
d) Perdagangan dan Perkhidmatan ()	
e) Kewangan ()	
f) Teknologi ()	
g) Hotel ()	
h) Perladangan ()	
i) Perlombongan ()	
j) Projek Infrastruktur ()	

Bahagian B: Amalan Pendedahan Penyata Aliran Tunai	<i>Kegunaan penyelidik</i>
B-1) Kaedah Pendedahan Aliran Tunai Daripada Aktiviti Kendalian	
8. Kaedah pendedahan aliran tunai daripada aktiviti kendalian	
a) Kaedah Langsung ()	
b) Kaedah Tidak Langsung ()	
9. Sekiranya dengan kaedah langsung, adakah penyesuaian untuk aliran tunai daripada aktiviti kendalian	

<p>dengan untung atau rugi bersih (kaedah tidak langsung) untuk tempoh tersebut disediakan?</p> <p>a) Ya ()</p> <p>b) Tidak ()</p> <p>Jika Ya, pada bahagian mana ia didedahkan?</p> <p>_____</p>	
<p>B-2) Amalan Pengelasan Bagi Butiran Faedah, Dividen dan Cukai Pendapatan</p>	
<p>10. Pengelasan bagi butir faedah diterima</p> <p>a) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Kendalian ()</p> <p>b) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan ()</p> <p>c) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan ()</p> <p>d) Tiada Pendedahan ()</p>	
<p>11. Pengelasan bagi butir pembayaran faedah</p> <p>a) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Kendalian ()</p> <p>b) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan ()</p> <p>c) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan ()</p> <p>d) Tiada Pendedahan ()</p>	
<p>12. Pengelasan bagi butir dividen diterima</p> <p>a) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Kendalian ()</p> <p>b) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan ()</p> <p>c) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan ()</p> <p>d) Tiada Pendedahan ()</p>	
<p>13. Pengelasan bagi butir pembayaran dividen</p> <p>a) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Kendalian ()</p> <p>b) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan ()</p> <p>c) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan ()</p> <p>d) Tiada Pendedahan ()</p>	
<p>14. Pengelasan bagi butir cukai dibayar</p> <p>a) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Kendalian ()</p> <p>b) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan ()</p> <p>c) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan ()</p> <p>d) Tiada Pendedahan ()</p>	
<p>15. Butiran bagi butir tunai dan kesetaraan tunai</p> <p>a) Tunai dan baki bank ()</p> <p>b) Deposit dengan institusi kewangan berlesen ()</p> <p>c) Overdraf bank ()</p> <p>d) Lain-lain, nyatakan: ()</p> <p>_____</p>	